

**Jilid I**  
**Bil. 105**



**Hari Selasa**  
**4hb Disember, 1979**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 11339]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 11365]**  
**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 11365]**

**Anggaran Pembangunan, 1980—**

**Jawatankuasa (Hari Kelimabelas):**

**Maksud P. 54 hingga P. 60 [Ruangan 11366]**

**Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 [Ruangan 11376]**

**Maksud P. 64 [Ruangan 11411]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—**

**Jawatankuasa (Hari Kelimabelas):**

**Jadual—**

**Maksud B. 54 hingga B. 60 [Ruangan 11366]**

**Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 [Ruangan 11376]**

**Maksud B. 64 [Ruangan 11411]**

**Maksud B. 65 [Ruangan 11422]**



# **DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

## *Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG PERTAMA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BIN HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- ” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.J., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimaniš).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ Tuan V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).

- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.N., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (BRUAS).

- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 4hb Disember, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### TEKNIK PERTANIAN MODEN

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa masanya telah tiba bagi penubuhan sebuah yunit di sekolah-sekolah bagi mengadakan sumbangan yang positif untuk mendidik dan menyemai pengetahuan dan teknik pertanian moden kepada murid-murid sekolah yang menjadi rakyat negara ini di masa hadapan, jika ya, apakah tindakan yang Kementerian akan ambil.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1965 Sains Pertanian telah diajar sebagai salah satu mata-pelajaran praktik di Tingkatan 1 hingga 3 dan satu daripada matapelajaran Tingkatan 5. Kementerian Pelajaran mempunyai 2 buah sekolah vokesyenal pertanian. Kementerian Pertanian pula mempunyai 6 buah Institiut Pertanian untuk melatih lepasan-lepasan sekolah di dalam teknik-teknik pertanian. Pusat-pusat latihan pertanian juga terdapat di seluruh negara untuk melatih belia-belia di dalam lapangan pertanian moden. Institiut Pertanian bekerjasama dengan sekolah-sekolah mengadakan lawatan sambil belajar.

Kementerian Pertanian berpendapat, buat masa ini pengajaran sains pertanian yang ada di sekolah-sekolah, institiut-institiut dan pusat-pusat latihan pertanian tersebut men-

cukupi untuk mendidik dan menyemai pengetahuan teknik pertanian moden bukan sahaja kepada murid-murid sekolah malah kepada belia-belia di negara ini. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Pertanian bercadang untuk menambahkan lagi bilangan kemasukan penuntut di Institiut-institiut Pertanian. Dari itu penubuhan sebuah yunit khas sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di sekolah-sekolah bagi maksud tersebut adalah tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya memaklumkan di sini bahawa pada masa sekarang ini pun sudah terdapat beberapa jabatan tertentu di bawah Kementerian Pertanian sedang bekerjasama rapat dengan sekolah-sekolah. Umpamanya, Jabatan Pembangunan Koperasi membantu menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi sekolah di kalangan murid-murid, Jabatan Perkhidmatan Haiwan membantu usaha penternakan di bawah Program A.M.P. (Amalan Makanan dan Pemakanan) di sekolah-sekolah dan Jabatan Pertanian pula membantu penanaman sayur-sayuran di sekolah-sekolah di bawah Program A.M.P. yang tersebut itu. Dengan penglibatan jabatan-jabatan tersebut adalah dijangka memberi sumbangan yang berguna untuk mendidik dan menyemai pengetahuan dan teknik pertanian moden kepada murid-murid.

#### MELAYU PULAU PINANG— KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI

2. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ekonomi orang Melayu Pulau Pinang dari segi penguasaan tanah, penglibatan mereka dalam perdagangan, dan pengangguran di kalangan orang-orang Melayu di negeri itu adalah bertambah buruk, dan apakah langkah-langkah segera yang

akan dijalankan oleh Kerajaan bagi menyelamatkan masyarakat Melayu dan golongan miskin lainnya di Pulau Pinang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kedudukan sosial dan ekonomi Bumiputra di Pulau Pinang berada di dalam keadaan yang lemah. Oleh kerana itulah Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas pada 1hb September, 1975 bagi mengkaji masalah-masalah penyertaan Bumiputra dan seterusnya mengadakan usaha untuk meninggi dan memajukan kedudukan sosial dan ekonomi Bumiputra negeri itu. Jawatankuasa ini dibantu oleh Yunit Penyelarasan Penyertaan Bumiputra, di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ditempatkan di negeri tersebut.

Di antara aktiviti-aktiviti yang diusahakan oleh Jawatankuasa tersebut termasuklah rancangan-rancangan perumahan, pembangunan tanah, perdagangan, perusahaan dan projek-projek penambahan pendapatan peniaga-peniaga kecil dan golongan lainnya.

Setakat ini 2 projek perumahan serta 173 buah gerai-gerai penjaja kecil luarbandar di 7 kawasan telahpun siap dibina.

Sementara itu pula 25 projek perumahan, 51 projek pembangunan tanah perseorangan, 11 projek perdagangan, 38 projek perusahaan serta juga pembinaan gerai-gerai perniagaan kecil di 15 kawasan dan beberapa projek pembangunan lain di seluruh Pulau Pinang sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Perancangan dan pelaksanaan ke semua projek-projek ini adalah diawasi oleh Jawatankuasa tersebut. Ada besar kemungkinan dengan terlaksananya rancangan-rancangan yang saya sebut tadi serta usaha-usaha yang dijangka akan diadakan seterusnya, dan reaksi yang membangun dari kalangan Bumiputra sendiri dan golongan miskin lainnya, akan dapat membantu memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka.

**Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut sedar bahawa pada tahun ini telah bertambah banyak tanah sawah padi yang telah tidak diusahakan, dengan sebab itu bertambahlah kemiskinan orang-orang di Seberang Perai.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalnya apa?

**Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali:** Soalnya ialah sama ada sedar atau tidak bertambahnya ketinggalan tanah yang diusahakan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan P. Patto:** Tuan speaker, soalan No. 3.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

### TANGGAGAJI BAHARU KEPADA JURUTAIP KERAJAAN

3. **Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Jurutaip-jurutaip yang berkhidmat dengan Kerajaan masih belum lagi menerima gaji mereka serta tunggakan-tunggakan gaji mereka yang mereka berhak menerima di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui, Jurutaip-jurutaip Kerajaan yang telah memilihterima opsyen untuk berpindah ke tanggagaji bersih baharu di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet, telahpun diberi perubahan gaji baharu dan dibayar tunggakan gaji mereka mulai daripada 1hb Januari, 1976 atau mulai dari tarikh perantikan mereka selepas tarikh tersebut.

Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bendera itu mempunyai kes-kes yang tertentu mengenai Jurutaip-jurutaip yang belum lagi diberi tanggagaji baharu Jawatankuasa Kabinet dan juga belum menerima tunggakan gaji mereka, bolehlah memberikan butir-butir lengkap mengenai pekerja yang terlibat dan tempat kerjanya kepada pihak yang berkenaan untuk dikaji dan diambil tindakan sewajarnya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa tunggakan gaji bagi semua kakitangan Kerajaan yang memilih menerima tanggagaji CCR telahpun dibayar tetapi saya ingin tahu

apakah kedudukan tentang Jurutaip-jurutaip di Parlimen ini sendiri. Adakah mereka diberi peluang untuk opt kepada CCR oleh kerana Kerani-kerani Rendah (Junior Clerks) Parlimen sendiri pun sudah menerima tanggagaji CCR tetapi mengapakah Jurutaip-jurutaip di sini belum?

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benda ini betul, saya akan siasat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tanggagaji baru di bawah Laporan Kabinet untuk Jurutaip-jurutaip ialah \$495, satu tanggagaji yang sangat tidak adil apabila dibandingkan dengan golongan-golongan pekerja-pekerja lain?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tidak adil apabila dibandingkan dengan golongan-golongan pekerja-pekerja lain dalam Kerajaan seperti Pencatit Masa, Storekeeper dan Pegawai Kerani Rendah yang sebelum itu dapat maksima gaji yang lebih rendah dan sekarang mereka dapat gaji maksima yang lebih tinggi iaitu \$595. Adakah PSD bercadang untuk menyusun semula dan membetulkan perkara ini supaya Jurutaip-jurutaip Tingkatan I boleh menikmati maksima serupa dengan Storekeeper dan Kerani Rendah iaitu \$595.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada aduan-aduan daripada pihak yang berkenaan tentang tidak adilnya tanggagaji mereka dan perkara inipun telah dibawa kepada pihak yang tertentu untuk ditimbang dan perkara ini dalam perundingan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan atau menerangkan apa itu "pihak yang tertentu" yang sekarang kaji perkara ini.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ini ialah mengikut proses biasa di mana apabila kalau kita tidak puas hati dengan gaji dan skim perkhidmatan boleh dirundingkan dengan pihak JPA ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yalah Yang Berhormat, tetapi soalan tadi itu apa maknanya "pihak tertentu", itu sahaja soalnya.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Itulah jawabannya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Cuba sebut sekali lagi, jawab balik.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu keadaan timbul di mana tidak ada puashati tentang masalah gaji ataupun kedudukan gaji, perkara ini dirundingkan dengan pihak yang berkenaan, iaitu di bawah jagaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### KELULUSAN PROJEK MENGEJUT

4. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar Kerajaan bagi seseorang Menteri itu boleh meluluskan sesuatu projek mengejut (projek segera) di mana-mana kawasan. Nyatakan sama ada amalan seperti itu boleh menjejaskan kelicinan akaun-akaun yang disimpan oleh Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan dan adakah apa-apa perbezaan tentang bayaran dan jenis kumpulan-wang di antara projek biasa dengan projek segera.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, seseorang Menteri itu boleh meluluskan sesuatu projek mengejut atau projek segera di mana-mana kawasan jika difikirkan dengan berbuat demikian, satu-satu projek itu dapat memberi faedah kepada rakyat di kawasan yang berkenaan. Dalam hubungan ini, beliau berbuat demikian oleh kerana terlebih dahulu telah dipastikan bahawa peruntukan yang mencukupi telah disediakan dalam Anggaran Belanjawan yang lazimnya diadakan untuk menampung maksud-maksud yang telah ditetapkan.

Amalan seperti ini tidak akan menjejaskan kelicinan akaun-akaun yang disimpan oleh Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan oleh kerana peruntukan yang cukup telahpun disediakan terlebih dahulu secara menyeluruh dalam Anggaran Perbelanjaan

Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang berkenaan. Tidak ada perbezaan tentang bayaran dan jenis kumpulanwang di antara projek biasa dengan projek segera kerana ianya tertakluk kepada peraturan kewangan yang terkandung di dalam Akta Acara Kewangan. Tidak kira sama ada projek itu projek biasa atau projek segera, ianya adalah dibiayai dari Kumpulanwang Kerajaan Disatukan (Government Consolidated Fund)—iaitu sama ada melalui Anggaran Belanja Mengurus atau Anggaran Pembangunan yang diluluskan oleh Parlimen. Yang berbeza hanya dari segi pelaksanaan projek-projek itu sahaja.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Scalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa tidak terjejas apa-apa akaun Kerajaan dengan mengisytiharkan ataupun dengan meluluskan sesuatu projek mengejut. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kelewatan menghantar akaun Kerajaan Persekutuan oleh Pejabat Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan tidak lewat daripada tempoh-tempoh yang tertentu itu adalah satu daripada sebab-sebabnya ialah kelulusan projek-projek mengejut yang dibuat oleh setengah-setengah Yang Berhormat Menteri.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, minta ulang bahagian yang pertama soalan itu.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Saya ingin mengetahui sama ada kelewatan menghantar akaun Kerajaan Persekutuan oleh Pejabat Yang Berhormat, ertinya oleh Kementerian Kewangan pada tiap-tiap tahun, kalau tak silap saya rasanya daripada 7 bulan sampai kepada sesuatu kira-kira itu diodit, kelewatan itu adakah satu daripada sebab setengah-setengah Yang Berhormat Menteri itu meluluskan projek mengejut ataupun projek segera.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Adalah tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, kerana segala waran adalah diselesaikan dalam bulan Januari juga.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri berkenaan iaitu berapakah kadar maksima yang boleh diluluskan oleh seorang Menteri itu bagi sesuatu projek mengejut.

Keduanya, projek-projek mengejut ini dilakukan mengikut keadaan-keadaan dan terkeluar juga daripada pengaruh-pengaruh ataupun kehendak-kehendak politik di satu tempat. Jadi sudah tentu projek-projek ini kadang-kadang dilakukan secara tidak dengan kajian yang teratur dan tersusun. Tidakkah ini merupakan suatu yang boleh menyalahgunakan wang umum (public funds)?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama mengenai kadar maksima, tidak ada kadar maksima.

Soalan yang kedua tadi saya tidaklah bersejua bahawa ianya menyebabkan salahguna public funds kerana projek-projek segera atau projek-projek mengejut yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah sebenarnya merupakan projek mengejut bahkan kalau kita perhatikan projek-projek yang diluluskan segera ini merupakan masjid, surau, dewan orang ramai dan sebagainya yang mana tidaklah memerlukan kajian yang begitu mendalam bahkan apabila Yang Berhormat Menteri itu membuat sesuatu kelulusan segera, beliau mendapati bahawa projek ini memang perlu sangat dikehendaki oleh rakyat di situ sungguhpun kajian belum dibuat.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak bilakah Kerajaan menjalakan dasar boleh meluluskan projek-projek mengejut ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak ada Kerajaan kita—Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini.

## RUMAH HARGA MURAH

5. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa rumah-rumah harga murah masih lagi jauh daripada cukup bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Jika ya, Kementerian

tersebut diminta mendirikan rumah-rumah murah secara diuntukkan kepada mereka dengan secara adil untuk semua kaum.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya istilah "rumah harga murah" yang saya maksudkan adalah rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dan pemaju-pemaju swasta yang berharga kurang dari \$25,000 seyunit.

Kementerian saya memang sedar bahawa rumah-rumah harga murah masih lagi belum mencukupi bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Seperti yang pernah saya beritahu Dewan Yang Mulia ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar pada 25hb Oktober, 1979, bahawa di atas kesedaran inilah maka Kerajaan telah menambah lagi peruntukan kepada sektor awam di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga baru-baru ini daripada \$2.4 billion kepada \$3.1 billion untuk membina 241,300 unit rumah. Di bawah program perumahan awam kos rendah yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan daripada Kementerian saya, peruntukannya juga telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta bagi membina 73,506 unit rumah.

Di samping itu galakan dan insentif yang tertentu juga telah diberikan oleh Kementerian saya kepada sektor-sektor swasta membina lebih banyak lagi rumah-rumah murah yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya rumah-rumah itu dibahagikan secara adil kepada semua kaum, sukalah saya menyatakan di sini bahawa untuk rancangan perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan melalui peruntukan daripada Kementerian saya, satu peraturan mengenai pembahagian rumah-rumah itu telah diberikan oleh Kementerian saya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk diamal dan dijadikan panduan Peraturan-peraturan yang disediakan itu adalah selaras dan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

## KEKURANGAN JENTERA/TENAGA MANUSIA DI JKR SARAWAK

**6. Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan jentera dan tenaga manusia di J.K.R. Sarawak terutama sekali di Bahagian Keenam, Sarikei. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan sekarang.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa kekurangan jentera dan tenaga manusia di J.K.R. Sarawak adalah dalam pengetahuan saya. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh pertambahan yang pesat dalam pembangunan projek-projek terutamanya pembinaan jalanraya. Untuk mengatasi masalah kekurangan jentera, Kerajaan telahpun menambahkan peruntukan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk membeli jentera dengan alat-alat kelengkapan. Jentera baru ini akan dibahagi-bahagikan kepada semua projek pejabat-pejabat J.K.R. di seluruh negeri termasuklah Bahagian Keenam Sarawak iaitu Sarikei.

Berkenaan dengan kekurangan tenaga manusia, Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengkaji keperluannya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan yang ke 7.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Menglembu.

## KAMPUNG BARU ATTAPAH

**7. Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 1,000 keluarga di Kampung Baru Attapah (dekat Kuching) tinggal dalam keadaan yang amat teruk dan menyedihkan dan bahawa rumah-rumah mereka didirikan dalam kawasan paya; jika sedar, adakah

beliau akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya menempatkan penduduk-penduduk tersebut ke kawasan yang lebih sihat.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah mengelirukan. Apa yang disebutnya "Kampung Baru Attapah" bukanlah "Kampung Baru" seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya Attapah ialah kawasan setinggan yang terletak di dalam Bandar Kuching, iaitu tanah Kerajaan yang telah diduduki secara haram oleh setinggan-setinggan mulai tahun 1971. Kedatangan setinggan-setinggan ini adalah secara spontan. Mula-mula bilangannya kecil sahaja akan tetapi jumlahnya telah meningkat apabila setinggan-setinggan dari sekitar Bandar Kuching dan juga dari Daerah dan Bahagian-bahagian lain dalam Negeri Sarawak mula datang ke kawasan tersebut. Kawasan Attapah ini menjadi tarikan kepada setinggan-setinggan oleh kerana letaknya adalah berhampiran dengan kawasan-kawasan perusahaan di mana mereka bekerja.

Sungguhpun Attapah ini kawasan setinggan, akan tetapi penduduk-penduduknya juga telah menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi kampung-kampung dan kawasan perumahan yang telah sedia wujud berhampiran dengannya, yaitu kemudahan-kemudahan seperti sekolah-sekolah, klinik-klinik, pasar dan sebagainya. Sebahagian daripada rumah-rumah mereka telah juga disambungkan bekalan air dan elektrik.

Kementerian saya dan Kerajaan Negeri Sarawak sedar tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan ini dan telah mengambil tindakan bagi mengatasinya. Kerajaan Negeri sedang menimbang sama ada akan membenarkan mereka ini terus menduduki tempat tersebut, yaitu dengan meningkatkan kawasan itu ke taraf kampung biasa, ataupun memindahkan mereka ke tempat lain. Kementerian saya telah menyediakan peruntukan pinjaman bagi pihak Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak membina rumah awam kos rendah di Batu Kawah yang terletak berhampiran dengan kawasan tersebut. Di samping itu agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Perbadanan-perbadanan Ekonomi Sarawak dan Perbadanan Pembangunan Borneo juga telah melaksanakan projek-projek perumahan berhampiran de-

ngan kawasan Attapah ini. Adalah diharapkan pembinaan rumah-rumah tersebut kelak akan dapat menampung keperluan perumahan bagi penduduk-penduduk di kawasan itu dan penduduk-penduduk daripada kawasan lain.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa pinjaman telahpun diluluskan bagi Suruhanjaya Perumahan Negeri Sarawak untuk membina rumah murah. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Kementerian supaya dapat Kerajaan Negeri Sarawak menggunakan bagi membina rumah murah di Sarawak bagi maksud mengatasi masalah setinggan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

#### NEGARA-NEGARA ISLAM MEMPUNYAI POTENSI EKONOMI

8. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya bagi maksud memperkukuhkan hubungan antara negara-negara Islam di dunia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia menganggap Negara-negara Islam sebagai Negara yang mempunyai potensi-potensi ekonomi yang baik dan selaras dengan itu mempunyai perdagangan yang berkembang. Oleh hal yang demikian, dengan pasaran yang kian bertambah, harapan Malaysia untuk berdagang dengan Negara-negara Islam adalah cerah dan Negara-negara ini termasuklah Negara-negara yang kaya dengan hasil minyak seperti Arab Saudi, Kuwait dan Negara-negara Arab di sekitar Telok Parsi seperti Dubai dan Baharin dan juga Negara-negara Sosialis seperti Iraq, Syria dan Libya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Negara kita telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Perdagangan dengan Negara-negara Islam seperti Republik Arab Bersatu, Libya, Turkey dan Iraq.

Untuk makluman selanjutnya eksport Malaysia ke Negara-negara Islam tersebut telah bertambah nilainya daripada \$334.6 juta dari tahun 1974 kepada \$535.5 juta bagi tahun 1978. Pengimportan daripada Negara-negara Islam ini telah juga bertambah daripada \$770.1 juta dari tahun 1974 kepada \$1,104 juta dalam tahun 1978. Bagi mengambil peluang yang lebih banyak lagi daripada potensi-potensi pasaran di Negara-negara Islam ini, Kementerian saya telah mengandakan lagi usaha-usaha galak eksport dengan menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke Negara-negara tertentu dan juga menyertai dalam Pameran-pameran Perdagangan Antarabangsa yang diadakan oleh negara-negara itu. Seterusnya, Kementerian saya telah juga menghantar rombongan untuk mencari maklumat-maklumat perdagangan (fact-finding missions) di Negara-negara yang berkenaan bagi mengetahui potensi-potensi pasaran untuk barang-barang buatan Malaysia. Langkah-langkah juga telah diambil bagi menjemput Pegawai-pegawai Kanan dan juga ahli-ahli sektor swasta daripada Negara-negara yang berkenaan bagi melawat negara kita supaya mereka mengetahui jenis barang-barang yang ada untuk diekspot dari negara itu.

Selain daripada itu, Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di Negara-negara yang berkenaan iaitu di Jeddah, Kuwait dan Dubai, telah diarahkan untuk menambahkan lagi aktiviti-aktiviti galakan eksport dan memperluaskan serta menentukan peluang-peluang pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia. Pejabat-pejabat ini telah juga diarah untuk membuat tinjauan-tinjauan pasaran (market surveys), di samping memberi pertolongan-pertolongan kepada pengeksport-engeksport daripada Malaysia untuk membuat perhubungan perdagangan dengan bakal-bakal pengimport di Negara-negara tersebut.

Seterusnya, Kementerian saya juga sedang juga mengkaji kemungkinan untuk membuka Pejabat-pejabat Perdagangan di Negara-negara Islam yang lain yang difikirkan mempunyai potensi-potensi pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia.

Dengan langkah-langkah yang saya nyatakan di atas, Kementerian saya yakin bahawa perhubungan perdagangan di antara Negara-

negara Islam khususnya di antara negara ini dengan Negara-negara Islam yang lain akan dapat diperkukuhkan lagi.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu dalam hubungan dagangan dua hala, apakah barang-barang atau bahan-bahan dagangan yang diekspot dari Malaysia yang mendapat potensi cerah di negara-negara Islam dan apakah bahan-bahan dagangan yang diimport dari negara-negara itu yang mempunyai potensi cerah di negara kita?

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini barang-barang yang kita eksport daripada negara kita ke negara-negara Islam adalah merupakan barang-barang yang kita biasanya eksport ke negara-negara lain juga, iaitu seperti bijih timah, kayu-kayan, buah-buahan dalam tin dan sebagainya. Bagi barang-barang yang kita import daripada negara-negara yang berkenaan, oleh kerana negara itu terletak di negara-negara Arab yang mana kaya dengan minyak, jadi sebahagian besar import daripada negara itu adalah terdiri daripada minyak. Walaupun demikian, usaha-usaha sedang dijalankan untuk membolehkan negara kita ini mencari pasaran yang luas dengan negara-negara yang berkenaan bagi memasarkan barang-barang perkilangan kita ataupun "manufacturers" oleh kerana negara-negara yang berkenaan belum dapat mengadakan hasil barangan mereka sendiri.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM— TINDAKAN

9. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah semua pendatang haram Vietnam yang telah sampai ke negara ini, dan jumlah tersebut berapakah jumlah yang telah dihantar ke negara ketiga, jumlah yang meninggal dunia dan jumlah bayi yang dilahirkan sejak mula-mula kedatangan mereka ke negara ini hingga ke tarikh yang terakhir.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1975 pendatang haram Vietnam yang telah sampai ke negara kita berjumlah seramai 119,664 orang. Jumlah yang sudah kita pindahkan

ke negara ketiga seramai 85,099 orang; jumlah yang meninggal dunia seramai 159 orang; jumlah kelahiran seramai 1,045. Jadi baki yang ada dalam negara kita ini adalah seramai 35,248 orang pada hari ini.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri pernah menerima ataupun tidak permohonan daripada warganegara Malaysia kita untuk menjadikan bayi yang dilahirkan itu sebagai anak angkat, jika ada, berapakah jumlahnya dan berapa pula yang telah diluluskan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada permohonan yang rasmi, tetapi khabar-khabar angin ada.

**Tuan P. Patto:** Saya ingin tahu sama ada Kerajaan akan membuat satu keputusan supaya membenarkan sekiranya ada pemohon-pemohon di antara rakyat Malaysia yang mahu menjadikan bayi yang baru dilahirkan itu sebagai anak angkat mereka di negara kita ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita enggan memikirkan soal itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Kaw.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke sepuluh.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan jururawat-jururawat pelatih yang diambil untuk dilatih sejak tahun 1976 ialah:

(a) *Di Semenanjung Malaysia*

|      | Tahun |    |    |    | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|------|-------|----|----|----|--------|------|-------|-----------|--------|
| 1976 | ..    | .. | .. | .. | 498    | 81   | 28    | 2         | 609    |
| 1977 | ..    | .. | .. | .. | 504    | 134  | 44    | 5         | 687    |
| 1978 | ..    | .. | .. | .. | 476    | 147  | 47    | 3         | 673    |
| 1979 | ..    | .. | .. | .. | 392    | 106  | 56    | 3         | 557    |

(b) *Di Sabah*

|      | Tahun |    |    |    | Bumiputra | Bukan Bumiputra | Jumlah |
|------|-------|----|----|----|-----------|-----------------|--------|
| 1976 | ..    | .. | .. | .. | 17        | 24              | 41     |
| 1977 | ..    | .. | .. | .. | 27        | 18              | 45     |
| 1978 | ..    | .. | .. | .. | 27        | 14              | 41     |
| 1979 | ..    | .. | .. | .. | 21        | 14              | 35     |

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**UCAPAN SENSITIF—Y. B. TUAN MARK KODING**

**10. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kemajuan yang dicapai oleh pihak Polis dalam siasatan yang dijalankan ke dalam sebuah ucapan sensitif dan berhasutan ke dalam sebuah ucapan oleh Y.B. Mark Koding, Ahli Parlimen Kinabalu di dalam Dewan Rakyat pada 11-10-1978 yang telahpun dilaporkan kepada pihak Polis oleh Y.B. Chan Teck Chan, Ahli Parlimen Kota Melaka; nyatakan tindakan yang sewajarnya yang telah diambil dalam perkara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan telah dibuat oleh pihak Polis dan perkara ini sudah disampaikan kepada Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara.

**JURURAWAT PELATIH/PENOLONG—LANTIKAN**

**11. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jururawat-jururawat pelatih dan penolong jururawat-jururawat pelatih yang diambil untuk dilatih bagi setiap tahun 1976, juga beri perpecahan mengikut kaum bagi setiap tahun tersebut.

## (c) Di Sarawak

| Tahun        | Melayu | Cina | Bidayuh | Iban | Lain-lain | Jumlah |
|--------------|--------|------|---------|------|-----------|--------|
| 1976 .. .. . | 12     | 12   | 12      | 10   | 4         | 50     |
| 1977 .. .. . | 13     | 18   | 7       | 8    | 4         | 50     |
| 1978 .. .. . | 12     | 13   | 10      | 8    | 7         | 50     |
| 1979 .. .. . | 11     | 12   | 22      | 8    | 7         | 60     |

Bilangan Penolong Jururawat-jururawat pelatih pula yang diambil untuk dilatih sejak 1976 ialah:

## (a) Di Semenanjung Malaysia

| Tahun                      | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|----------------------------|--------|------|-------|-----------|--------|
| 1976 .. .. .               | 403    | 48   | 21    | 3         | 475    |
| 1977 .. .. .               | 528    | 39   | 30    | 1         | 598    |
| 1978 .. .. .               | 362    | 25   | 30    | —         | 417    |
| 1979 (hingga bulan Mei) .. | 179    | 13   | 17    | —         | 209    |

## (b) Di Sabah

| Tahun        | Bumiputra | Bukan Bumiputra | Jumlah |
|--------------|-----------|-----------------|--------|
| 1976 .. .. . | 26        | 18              | 44     |
| 1977 .. .. . | 54        | 30              | 84     |
| 1978 .. .. . | 67        | 10              | 77     |
| 1979 .. .. . | 61        | 9               | 70     |

## (c) Di Sarawak

| Tahun   | Melayu | Cina | Bidayuh | Iban | Melanau | Lain-lain | Jumlah |
|---------|--------|------|---------|------|---------|-----------|--------|
| 1976 .. | 22     | 11   | 15      | 19   | 8       | 5         | 80     |
| 1977 .. | 20     | 19   | 10      | 11   | 10      | 9         | 79     |
| 1978 .. | 20     | 19   | 15      | 14   | 5       | 5         | 78     |
| 1979 .. | 18     | 15   | 12      | 12   | 14      | 9         | 80     |

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya tidak silap angka-angka yang dibaca dengan begitu cepat menunjukkan bahawa peratus-peratus untuk jururawat-jururawat dan penolong-penolong jururawat khususnya di Semenanjung Malaysia untuk rekrut-rekrut bukan Melayu baru sampai ke 16% atau 18%. Adakah Kementerian Kesihatan atau pihak yang berkenaan merancang untuk membetulkan ketidak seimbangan dalam perkara ini, khususnya memandangkan kenyataan bekas Menteri Kesihatan dahulu bahawa Kerajaan atau Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas untuk memperseimbangan pengambilan jururawat-jururawat dan penolong-penolong jururawat dalam perkara ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa memilin pelatih-pelatih ini adalah terletak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan bukan kepada Kementerian Kesihatan. Jadi pihak Kementerian Kesihatan adalah diwakili oleh seorang pegawai, biasanya seorang Matron dalam Majlis Pemilihan itu, dan saya tidak dapat membuat keputusan sama ada kita akan membetulkan perkara ini atau tidak. Selain daripada itu, pemilihan ini berdasarkan kepada qualification seseorang pemohon iaitu mereka hendaklah mempunyai kelulusan MCE/SPM dan mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia, kalau dapat dalam subject sains juga. Selain dari itu untuk memberi gambaran agar lebih jelas supaya jangan

ada kekeliruan dalam masalah ini, saya rasa eloklah bagi saya memberi satu angka mengenai bilangan jururawat-jururawat yang telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. Menurut angka yang ada pada

|                  | <i>Melayu</i> | <i>Cina</i> | <i>India</i> | <i>Lain-lain</i> | <i>Jumlah</i> |
|------------------|---------------|-------------|--------------|------------------|---------------|
| 31-12-1969 .. .. | 445           | 3,009       | 659          | 340              | 4,453         |
| 31-12-1978 .. .. | 3,778         | 7,550       | 1,251        | 543              | 13,124        |

Kalau kita bandingkan dari segi percentage untuk tahun 1978 Melayu lebih kurang 28%, yang lain-lain 72%. Bagi negeri Sabah pula:

|                    | <i>Bumiputra</i> | <i>Bukan Bumiputra</i> | <i>Jumlah</i> |
|--------------------|------------------|------------------------|---------------|
| 31-12-1969 .. ..   | 7                | 287                    | 294           |
| Oktober 1979 .. .. | 125              | 609                    | 734           |

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Adakah jumlah jururawat pelatih yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi menunjukkan angka yang sebenarnya jumlah jururawat pelatih jika dibandingkan di antara kaum, kerana saya difahamkan bahawa banyak di antara jururawat pelatih yang bukan bumiputra lebih suka dengan cara sendiri pergi berlatih ke luar negeri. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi nisbah di antara kaum jumlah jururawat pelatih yang pergi ke luar negeri di dalam jangka masa 3 tahun secara kasar.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi saya hendak memberi nisbah atau percentage jururawat-jururawat yang berlatih di luar negeri. Apa yang saya sebutkan di sini ialah jururawat-jururawat yang terlatih di institusi-institusi Kerajaan iaitu dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Sekarang di dalam negeri kita, kita ada mempunyai lebih kurang 10 buah institusi untuk melatih jururawat ini, 8 daripadanya yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, 1 oleh Universiti Malaya dan satu oleh Assunta Hospital. Jadi sukarlah saya hendak memberi nisbah ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Angka-angka yang diberi oleh Timbalan Menteri untuk akhir tahun 1978 bagi jururawat-jururawat yang ada berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia pada akhir tahun 1978. Adakah angka-angka ini termasuk jururawat-jururawat yang pulang daripada luar negeri yang berharap boleh berkhidmat dengan Kerajaan dalam hospital-

saya pada masa ini bilangan jururawat yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia mengikut pecahan kaum pada 31-12-69 dan 31-12-78 di Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah seperti berikut:

hospital, tetapi sekarang sudah keluar negeri semula oleh kerana tidak dapat kerja atau ditempatkan dalam perkhidmatan Kerajaan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi inilah angka-angka yang berdaftar sama ada mereka bekerja dengan Kerajaan ataupun tidak, itu perkara lain.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Memandangkan akhir-akhir ini keadaan bertambahnya klinik-klinik di kawasan luar bandar begitu banyak sekali, saya ingin tanya Timbalan Menteri adakah beliau bercadang untuk menaikkan lagi peratus jururawat-jururawat dan penolong-penolong jururawat daripada bumiputra, memandangkan keadaan-keadaan luar bandar ini sebahagian besar daripada penduduknya adalah terdiri daripada bumiputra.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu adalah luar dari soal asal.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah satu penjelasan terhadap usaha-usaha untuk menggunakan angka-angka baru dalam serangan untuk kepentingan politik parti-parti Pembangkang. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah beliau atau Kementerian beliau merasa terganggu dengan pemusingan angka-angka untuk mencapai

cita-cita Dasar Ekonomi Baru supaya per-  
seimbangan kaum di dalam bidang-bidang  
profesional yang boleh menggambarkan  
bahawa peluang-peluang untuk mendapatkan  
latihan adalah diterima dengan wajar oleh  
rakyat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat, soalan itu adalah luar dari soalan  
asal.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat  
Timbalan Menteri Kesihatan ada memberi  
angka-angka tentang jururawat-jururawat  
yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat,  
saya ingin tahu dari angka ini, bolehkah  
Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi  
tahu berapa ramaikah yang berkhidmat  
dengan Kerajaan sama ada di hospital  
daerah, besar atau klinik-klinik pada masa  
sekarang.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang  
di-Pertua, saya rasa ini berkehendakkan  
notis oleh kerana ini masalah figures dan  
satu-satu kenyataan yang dibuat di dalam  
Parlimen mestilah merupakan factual. Walau  
bagaimanapun, dalam jawapan saya, kalau  
tidak salah saya pada minggu yang lepas  
yang ada berkaitan dengan jururawat yang  
telah memberitahu bilangan jururawat yang  
berkhidmat dengan Kerajaan. Jadi mungkin  
Yang Berhormat boleh melihat balik kepada  
*Hansard* kita.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan  
Yang di-Pertua, dengan jumlah jururawat  
yang ada dan dengan cara pengambilan baru  
jururawat mengikut keterangan Yang Ber-  
hormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi,  
ingin saya mendapat tahu hingga tahun  
berapakah cara ini boleh berjaya menseim-  
bangkan jumlah jururawat dalam negara ini  
mengikut perhitungan kaum?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan  
itu pun di luar daripada soalan asal, Yang  
Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat  
Tuan Lee Kaw.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-  
Pertua, soalan No. 12.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan  
ini sekarang di atas nama Yang Berhormat  
dari Kota Melaka.

### KOMPLEKS PERUMAHAN PELAJAR- KOMSIS, UNIVERSITI KEBANGSAAN

**12. Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O.*  
*24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan  
sama ada beliau sedar Kompleks Perumahan  
Pelajar-komsis C, berharga \$6.6 juta, Univer-  
siti Kebangsaan Bangi, telah mula retak; sama  
ada ini disebabkan kerana kurang penyeliaan  
ataupun kerana bahan-bahan yang bermutu  
rendah telah digunakan untuk pembinaan  
kompleks tersebut; dan nyatakan apakah  
tindakan yang telah diambil terhadap kon-  
trektor yang terlibat serta juga nyatakan  
langkah-langkah yang diambil untuk mem-  
perbaiki keadaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan  
Siang Sun):** Tuan Speaker, jawapan yang  
sama telahpun dikemukakan semasa men-  
jawab soalan Yang Berhormat dari Semerah  
pada 15-11-1979 yang lalu. Yang Berhormat  
sila merujuk kepadanya.

### INSTITIUT DAKWAH/YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH

**13. Tuan Awang bin Jabar** minta Perdana  
Menteri menyatakan apakah langkah-langkah  
yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan  
bagi memperkemaskan pentadbiran Institutiut  
Dakwah dan Yayasan Islamiah Malaysia.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji  
Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua,  
setakat ini saya berpuashati dengan pen-  
tadbiran dan aktiviti-aktiviti Institut Dakwah  
dan juga Yayasan Dakwah Islamiah di  
Malaysia ini. Walau bagaimanapun, perhatian  
adalah sentiasa diberikan supaya pentad-  
biran Institut dan Yayasan Dakwah Islamiah  
tersebut terus berjalan dengan baik dan  
aktivitinya dapat ditingkatkan lagi dari masa  
ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman  
Ahli Yang Berhormat, Yayasan Dakwah  
Islamiah Malaysia telah melakukan rombakan  
semula Lembaga Pemegang Amanah dan  
Ahli Jawatankuasa Kerjaya dengan mem-  
buat tambahan ahli-ahli baru Lembaga dan

Jawatankuasanya. Yayasan Dakwah Islamiah juga sekarang sedang menyusun persiapan untuk membentuk Majlis Suara Dakwah Malaysia sebagai majlis permesyuaratan dakwah yang diwakili oleh semua badan-badan dakwah di negara ini. Langkah ini telah mendapat sokongan dan kerjasama yang baik dari badan-badan dakwah yang berkenaan. Bentuk majlis ini adalah meliputi tujuan mengemaskan semula Jawatankuasa Penyelaras Negeri yang telah ditubuhkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah beberapa tahun yang lalu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan No. 14. Dengan izin Tuan Speaker, saya rasa ada satu kesilapan dalam perkataan di baris yang kelima—bukan “penganut-penganut yang telah berdosa”, tetapi “tidak berdosa”. Terima kasih, Tuan Speaker.

#### “HUNGRY GHOST”—PERAYAAN

**14. Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis telah menggunakan gas pemedih mata ke atas orang-orang yang bersembahyang di sebuah kuil Cina di Kuching pada 7-9-1979 semasa perayaan “hungry ghost”; sama ada siasatan telah dijalankan ke dalam peristiwa ini yang menakutkan penganut-penganut yang tidak berdosa itu; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan sama ada beliau akan memberi jaminan bahawa kebebasan beragama di negara ini akan sentiasa dihormati.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kelam-kabut sekali jawapan saya (*Ketawa*). Jadi terima kasih di atas bantuan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Mengelembu.

Sebagai jaminan yang pertama yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Mengelembu iaitu kebebasan beragama, soal ini sudah termaktub di dalam Perlembagaan dan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menjunjung tinggi Kedaulatan Undang-undang dan Keluhuran Perlembagaan, maka soal jaminan ini saya rasa tidak payah lagi kita jadikan perkara perdebatan di dalam Parlimen ini. Tetapi berkenaan dengan apa yang

jadi pada malam itu iaitu pada 6hb September, 1979 iaitu malam yang diberi dengan izin dalam bahasa Inggerisnya kepada penganut jenis ugama ialah “The Feast of the Hungry Ghosts”. Saya tidak dapat hendak menterjemahkannya, apakah ini “Kenduri Hantu Lapar”. (*Ketawa*)

Pada malam itu, pada pukul 9.00 orang berkumpul di Tokong Shung Ti. Orang berkumpul sebabnya ada satu kepercayaan sekiranya sesiapa pada malam itu menerima sedekah atau hadiah daripada Tokong itu maka orang ini akan mendapat keuntungan. Sebab itulah lebih kurang 400 orang berkumpul di Tokong tersebut. Malangnya, berlainan daripada yang telah lalu iaitu dengan cara peraturan yang baik penganjur-penganjur Tokong ini tadi memberi hadiah ini. Pada tahun ini dibuat kad bernombor. Jadi dilemparnya, ditaburnya kad ini di khalayak orang ramai bermaksud supaya orang ini merebut kad ini dan siapa yang mendapat kad yang bernombor ini, datanglah ke Tokong ini untuk menuntut hadiah tersebut supaya dapat untungnya sebagaimana yang mereka percaya. Oleh kerana cara yang dibuat ini dengan tidak diberitahu kepada pihak Polis maka timbullah satu kelam-kabut oleh sebab berebut dan singgung-menyinggung dan sebagainya. Jadi satu ketenteraman awam telah pecah pada masa itu dan disebabkan ketenteraman ini telah terancam maka terpaksa Polis, Riot Squad datang untuk mententeramkan keadaan. Di dalam mententeramkan keadaan inilah maka apa yang dikatakan chemical mist iaitu sejenis cecair gas yang dipam keluar supaya keluar airmata, semua orang bersurai, digunakan bukan untuk mencederakan tetapi untuk menyelesaikan dan menenangkan keadaan.

Laporan yang diterima dari pihak Polis daripada seorang yang berasa matanya kena pedih tadi, bukan pun orang penganut ugama itu. Mengapa dia berada di situ pun saya tidak faham.

#### FELDA—CALUN-CALUN PENEROKA

**15. Tuan Sibut Miyut anak Tagong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar bahawa dalam bulan Mei tahun ini, 13,000 orang pemohon telah ditemuduga untuk tanah di bawah rancangan FELDA di Johor, tetapi di antara pemohon-pemohon ini tidak terdapat seorang pun bukan

bumiputra; jika ya, mengapakah ini telah berlaku, apakah rancangan-rancangan yang konkrit telah buat bagi menyerap lebih banyak orang-orang bukan bumiputra supaya mendiami di rancangan-rancangan tanah ini sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertuan, saya sedar mengenai perkara ini. Soalan yang mempunyai maksud seumpama ini telah dibuat beberapa kali dalam persidangan-persidangan Dewan yang lalu dan pada kali ini pun soalan begini telah ditanya pada 8-11-1979 oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin, pada 19-11-1979 oleh Yang Berhormat dari Ipoh dan pada 20-11-1979 oleh Yang Berhormat dari Teluk Anson.

Walaupun tidak banyak yang perlu ditambah kepada jawapan-jawapan saya yang lalu, ingin saya mengulangi bahawa tindakan Kerajaan Negeri Johor adalah mengikut kuasa dan hak yang ada padanya. Terpujanglah kepada Kerajaan Negeri Johor untuk menentukan sama ada mahu menemuduga pemohon-pemohon bumiputra dahulu ataupun pemohon-pemohon bukan bumiputra. Oleh kerana Kerajaan Negeri Johor telah menerima permohonan-permohonan yang begitu banyak hampir 30,000 dari bumiputra Johor jika dibandingkan dengan pemohon-pemohon bukan bumiputra yang jumlahnya ratusan sahaja, maka 13,000 dari jumlah hampir 30,000 yang didapati layak sebagai pemohon tahun 1978 telah dijemput untuk ditemuduga pada awal tahun ini. Walaupun begitu banyak yang ditemuduga kedudukan senarai menunggu dari Johor sehingga mulan Oktober, 1979 ialah 2,100 orang kesemuanya termasuk 699 orang keturunan bukan bumiputra.

Adalah perlu diingat pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hanya dapat menasihati dan mempengaruhi Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan dengan tanah dan Kementerian tidak boleh mengarah Kerajaan Negeri. Kuasa yang diberi oleh Perlembagaan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai hikmah-hikmahnya sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatalah bahawa sungguhpun ada pemohon-pemohon yang bukan bumiputra di Johor tetapi dalam temuduga (interview) 13,000 orang tidak seorang bukan bumiputra yang dipanggil. Sungguhpun perkara ini dalam kuasa Kerajaan Negeri Johor bukankah ini satu tindakan yang bercanggah dengan objektif matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dan apakah tindakan atau langkah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian berkenaan akan ambil supaya semua Kerajaan tidak bercanggah dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru mengenai penyusunan semula masyarakat.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya tidak begitu pasti samada dalam usaha untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita sampai mahu mencabul hak-hak yang diberi oleh Perlembagaan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sentiasa mempengaruhi Kerajaan Negeri. Tetapi pihak Kementerian tidak boleh memaksa bukan bumiputra untuk turut serta dalam bidang-bidang yang pada awalnya mereka tidak begitu berminat. Kita rasanya kalau 30,000 jumlah bumiputra yang membuat permohonan yang didapati layak diinterview hanya 13,000 atau 30%, dari jumlah ini hanya 10% sahaja yang dimasukkan ke dalam senarai menunggu. Maka dari jumlah bukan bumiputra yang tidak sampai 1,000 jika dipilih yang layak memohon dan jika dipilih pula dari jumlah pemohon yang layak memasuki rancangan, kita bimbang di dalam Dewan ini kita akan dikecam tidak melayakkan langsung semua pemohon-pemohon bukan bumiputra. Oleh itu adalah penting jumlah pemohon ditambahkan sebelum temuduga dan kemasukan ke rancangan itu dibuat. Yang penting bukanlah jumlah yang ditemuduga tetapi jumlah yang berjaya dalam temuduga dan menunggu untuk masuk ke rancangan dan jumlah bukan bumiputra dan jumlah bumiputra yang sedang menunggu adalah cukup sementara projek yang ada ini dilaksanakan hinggalah pembukaan-pembukaan tanah di masa-masa akan datang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN)

#### Pinjaman Luar Negeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan

Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis. (Hari Kelimabelas).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Mesyuarat sekarang ber-sidang dalam Jawatankuasa dan sebelum saya panggil Ahli Yang Berhormat dari Gerik untuk menyambung ucapannya saya hendak memberitahu iaitu ucapan diberi selama 10 minit dan selepas itu akan diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk menjawab. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

*Maksud B. 54, B. 55, B. 56, B. 57, B. 58, B. 59 dan B. 60 (Jadual).*

*Maksud P. 54, P. 55, P. 56, P. 57, P. 58, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1980.)*

3.35 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini sukalah saya menyentuh P. 54, Butiran 32—Pembangunan Pelabuhan Kuantan. Ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah membina sebuah pelabuhan di pantai timur iaitu di Kuantan. Pembinaan pelabuhan ini di Kuantan telah menyemarakkan api kemarahan pihak DAP yang pada kelazimannya selalu bersifat chauvinistic dan perkauman. Oleh kerana mereka tidak mempunyai alasan-alasan lain untuk mengkritik Kerajaan maka pihak DAP telah menggunakan isu sedikit kerosakan yang terdapat di dermaga pelabuhan itu untuk mengkritik kewujudan projek yang amat besar ertinya kepada penduduk di pantai timur ini. Pihak DAP sengaja merupakan hakikat economic potential pelabuhan ini dan kritik-kritik mereka sengaja pula disemarakkan dengan kesilapan teknik pembinaan pelabuhan ini sehingga ada pula pihak-pihak yang menuduh pemimpin-pemimpin kita sengaja meletakkan pelabuhan itu di Kuantan.

Tuan Pengerusi, pelabuhan yang menelan belanja setakat ini \$196 juta apabila dibuka kelak akan membawa pembangunan yang lebih pesat kepada negeri Pahang khususnya

dan seluruh negeri-negeri di pantai timur amnya. Pembukaan pelabuhan ini akan membuka laluan baru di segi perniagaan antarabangsa bagi pantai timur. Pantai Timur akan berubah daripada satu kawasan pertanian kepada satu kawasan perniagaan dan perindustrian. Melalui pelabuhan ini nanti akan dapat dieksport bahan-bahan mentah yang hari ini menjadi eksport utama negara seperti kayu-balak, minyak kelapa sawit dan lain-lain keluaran negeri-negeri di pantai timur. Memandangkan kurangnya pekerjaan yang dapat diwujudkan di pantai timur di masa ini terutama di Kelantan dan di Trengganu maka sudah tentulah saraan hidup dan juga harga buruh di kawasan ini lebih murah daripada lain-lain kawasan pelabuhan seperti Kelang, Pasir Gudang, Pulau Pinang dan sebagainya. Berasaskan kepada perkara-perkara ini dan juga dengan adanya ura-ura Kerajaan mengadakan sebuah ampungan hydro yang besar 400 mega watts dibina di Trengganu dan dengan terjumpanya telaga minyak dan reserved gas yang terbesar sekali di negara ini di Trengganu maka ini akan menjadikan kawasan pantai timur satu kawasan yang menarik dari segi perindustrian. Faktor ini ditambah pula dengan wujudnya sebuah pelabuhan yang moden yang akan dapat menjadi tarikan kepada industri-industri yang export-oriented akan menjadikan kawasan ini satu kawasan yang strategik dari segi ekonomi.

Selain daripada itu amat mudah bagi industri-industri lain yang kecil-kecil diwujudkan memandangkan hari ini kebanyakan support industry dan lain-lain bahan terpaksa dibawa dari Kuala Lumpur dan lain-lain kawasan di pantai barat. Dengan kenaikan harga minyak yang akan terus melambung maka akan menjadikan ekonomik bagi pelabur-pelabur melaburkan modal mereka di pantai timur walaupun industri-industri itu sudahpun wujud di pantai barat. Kos pengangkutan yang dapat diselamatkan di antara industri di pantai barat untuk sampai kepada pengguna-pengguna pantai timur akan mendorong industri-industri baru tumbuh bak cendawan hasil daripada pembinaan Pelabuhan Kuantan.

Hari ini pun akibat daripada pembinaan pelabuhan yang belum siap ini harga-harga spekulasi tanah-tanah di Kuantan telah melambung naik begitu tinggi. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah dapat mewujudkan satu suasana pembangunan baik

dari segi ekonomi mahupun dari segi sosio-ekonomi yang saya percaya akan dapat mengubah cara hidup rakyat di pantai timur terutama rakyat bumiputra dari ekonomi yang berasaskan cara lama kepada ekonomi cara baru. Kalau dahulu kebanyakan rakyat bergantung hidup sebagai petani-petani, pekerja-pekerja ladang dan nelayan-nelayan dan sedikit-sedikit berniaga secara kecil-kecilan tetapi semua ini akan berubah.

Dalam kita bersyukur kepada Tuhan kepada perubahan-perubahan positif yang akan berlaku kita juga berharap agar pembangunan-pembangunan ekonomi di negeri-negeri yang berkenaan akan mencerminkan juga matlamat, cita-cita dan impian rakyat tempatan kepada Dasar Ekonomi Baru kita. Kita tidak mahu pembangunan di kawasan-kawasan ini menjadikan rakyat tempatan bertambah terhimpit lagi. Saya berseru kepada Kementerian Pengangkutan semoga pembangunan pelabuhan ini dan pembangunan di pantai timur tidak akan memutarakan putaran kemajuan ke belakang, tidak akan memutarakan putaran kemajuan ke belakang. Penyertaan bumiputra disegenap bidang yang terbit hasil dari pembinaan pelabuhan ini mestilah diawasi dan dipastikan. Beberapa kerosakan dan keretakan yang berlaku di bahagian dermaga serta gudang-gudang yang berhampiran dengan dermaga itu tidak akan dapat menjejaskan nama baik Kerajaan di mata rakyat tempatan. Rakyat tempatan ternanti-nanti dan terasa-rasa akan faedah-faedah yang akan dapat mereka nikmati dan mereka kecap. Rakyat penuh keyakinan yang syarikat Sir Bruce & Partners yang dapat menjalankan satu penyiasatan dan kajian yang teliti dan terperinci mengenai kerosakan dan keretakan dermaga itu.

Laungan, bangkangan dan pandangan yang negatif dari pihak Pembangkang dan lain-lain pihak sama ada dalam negeri ataupun luar negeri tidak akan dapat menjejaskan nama baik Kerajaan di mata rakyat tetapi kegagalan Kerajaan memastikan yang pelabuhan ini dapat membawa keuntungan ekonomi kepada rakyat sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru sepatutnya lebih merunsingkan pihak Kerajaan.

Saya berharap dengan terbinaanya pelabuhan ini maka pihak Kerajaan akan dapat memberi keutamaan sama ada dalam segi kontrak kecil-kecilan dengan pelabuhan ataupun kerja

"forwarding agency" dan sebagainya dan lain-lain kerja dan perniagaan-perniagaan yang bersangkutan dengan kewujudan sebuah pelabuhan akan dapat diberi keutamaan kepada pihak bumiputra. Memandangkan yang pelabuhan ini juga akan menjadi penyambung dan jalan keluar bagi hasil bagi negeri-negeri pantai timur dan barat saya mendadangkan agar landasan keretapi dua trek diwujudkan dahulu di pantai timur untuk memberikan kemudahan pengangkutan barangan ke Pelabuhan Kuantan. Kerajaan seharusnya merancang ke hadapan, apabila Kerajaan membina Lapangan terbang Subang, banyak kritik-kritik mengenai tidak ekonomiknya lapangan terbang itu kita dengari. Hari ini dengan perkembangan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat penerbangan antarabangsa Lapangan terbang Subang dianggap terlalu kecil untuk mengendalikan trafik antarabangsa bagi negara kita.

Saya berharap satu perancangan yang teliti berkenaan dengan perhubungan pengangkutan di antara Pelabuhan Kuantan dan lain-lain kawasan di pantai timur akan dapat diperbaiki semoga Pelabuhan Kuantan akan dapat menandingi walaupun tidak melebihi lain-lain pelabuhan di negara kita ini. Kejayaan Kerajaan di dalam hal ini dengan sendirinya akan menyenapkan prasangka terhadap fitnah-fitnah DAP berkenaan dengan projek ini.

Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya menyokong permohonan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ikut...

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, saya ada point yang mustahak.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selepas Ahli Yang Berhormat dari Gerik bercakap ataupun berbahas, maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Chan Teck Chan:** Sekarang saya hanya minta kebenaran dan pertimbangan Tuan Pengerusi, untuk masa 10 minit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Tidak dapat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan menjawab.

3.44 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan yang baik terhadap Kementerian ini dan keyakinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada Kementerian ini bagi melaksanakan tugasnya. Dalam pada itu izinkan saya untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pertama yakni perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengenai ujian pelatih dan perkara-perkara yang berhubung dengannya di Jabatan Pengangkutan. Sebenarnya tidak ada perbezaan mengenai soalan-soalan yang dikemukakan dalam ujian pelatih kerana semua soalan itu adalah berpandu kepada perkara-perkara yang termaktub di dalam Undang-undang Lalulintas dan Panduan Jalanraya (Highway Code). Apa yang sebenarnya terjadi adalah tiap-tiap pejabat negeri mempunyai beberapa naskah soalan yang mengandungi berbagai-bagai isyarat lalulintas yang dipetik daripada kaedah-kaedah yang berkenaan dan naskah-naskah ini mengandungi item-item yang berlainan tetapi semuanya adalah dipetik daripada Highway Code yang serupa. Ini akan mengelakkan pemohon-pemohon lesen memandu itu daripada mengetahui terlebih dahulu yang mana satu akan disoal untuknya.

Mengenai perkara masa untuk mendapatkan lesen memandu terlalu lama, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya masalah ini ialah dengan tujuan meninggikan taraf kecekapan pemandu-pemandu pada masa ini sebelum mendapat lesen memandu pelatih. Pemohon-pemohon dikehendaki lulus dalam ujian pelatih atau ujian undang-undang jalanraya. Oleh yang demikian sekiranya pihaknya gagal untuk lulus ujian tersebut memanglah masa untuk mendapatkan lesen pelatih itu akan memakan masa yang lebih lanjut.

Saya sedar pada masa ini untuk mendapatkan penetapan tarikh ujian seseorang pemegang lesen memandu pelatih dikehendaki menunggu lebih kurang tiga bulan untuk mendapatkan tarikh tersebut. Tetapi apabila kita bandingkan dengan negara-negara jiran seperti Hong Kong dengan 6 juta penduduk dan mempunyai 600,000 kenderaan dan 1.2 juta lesen memandu tempoh menunggu untuk ujian memandu adalah enam bulan hingga satu tahun.

Di Filipina dengan 46 juta penduduk, dengan mempunyai 1.2 juta kenderaan dan 1.8 juta lesen memandu tempoh menunggu tarikh ujian ialah lebih kurang satu tahun. Dan di Singapura yang mempunyai tiga juta penduduk dengan 250,000 kenderaan dan 500,000 lesen memandu tempoh menunggu untuk mendapatkan tarikh ujian ialah lebih kurang 9 bulan.

Jika masa-masa menunggu untuk tarikh ujian di negara-negara jiran yang tersebut dibanding dengan Malaysia Barat yang mana ada 9.5 juta penduduk dan yang mempunyai 1.83 juta kenderaan dan 2.85 juta lesen memandu maka masa menunggu tiga bulan itu adalah dianggap tidak begitu lama seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut dengan menambahkan penguji-penguji driver dan dengan itu dipercayai keadaan itu akan bertambah baik sedikit.

Mengenai perkara menggunakan kereta-kereta yang lebih 10 tahun untuk mendapatkan kebenaran untuk dijadikan teksi, saya menyatakan tujuan mengadakan dasar di bawah umur 10 tahun untuk melesen kenderaan-kenderaan atas permit baru kereta-kereta sewa adalah semata-mata untuk meninggikan bukan sahaja taraf keselamatan jalanraya tetapi juga untuk meninggikan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebenarnya, sungguhpun dasar itu dilaksanakan dengan pesatnya tetapi dalam keadaan yang tertentu kenderaan-kenderaan yang berumur melebihi 10 tahun telah dilesenkan sebagai kereta sewa di bawah permit kereta sewa baru tertakluk kepada keadaan kenderaan itu yang dianggap memuaskan. Oleh itu tidaklah benar jika di-

katakan bahawa kenderaan-kenderaan yang umurnya melebihi 10 tahun tidak langsung dilesenkan sebagai kereta-kereta sewa.

Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sedar mengenai perbuatan rasuah di kalangan kakitangan dan pihaknya sentiasa mengambil berbagai-bagai tindakan pentadbiran untuk mengatasi masalah tersebut dan juga bekerjasama rapat dengan Biro Siasatan Negara untuk menghapuskan amalan itu.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat mengatakan terdapat sebuah syarikat teksi di Kota Bharu yang mempunyai kira-kira 40 buah teksi dan sebahagiannya yang mana teksi-teksi itu adalah teksi yang lama yang lebih 10 tahun umurnya tetapi terus-menerus syarikat itu mendapat permit menjalankan teksi-teksi itu. Sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya tidak menyedari dan tidak mengetahui adanya sebuah syarikat seperti itu di Kota Bharu, oleh itu sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui hal itu harap dapat diberikan laporannya kepada Kementerian ini supaya satu tindakan yang sesuai dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara mengenai dasar pengangkutan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas ucapannya dan sukacita memaklumkan bahawa ulasan-ulasan Yang Berhormat akan diambil ingatan.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa Dasar Pengangkutan Negara adalah mustahak dan akan membantu ekonomi Negara. Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai perhubungan untuk menimbangankan perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan dan pengangkutan. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa Kerajaan memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh dalam bidang pengangkutan ini. Kementerian saya akan terus memberikan keutamaan kepada perkara tersebut.

Mengenai peruntukan yang diminta untuk ditambah bagi mengatasi masalah Keselamatan Jalanraya, sukalah saya menyatakan bahawa Yang Berhormat itu cuma menyentuh mengatakan peruntukan yang

diperuntukkan kepada kegiatan tersebut tidak mencukupi dan hanya diuntukkan sebanyak \$50,000. Saya rasa pendapat itu kurang tepat.

Sebenarnya peruntukan \$50,000 itu ialah untuk gaji kakitangan-kakitangan di Bahagian Keselamatan Jalanraya. Peruntukan bagi menjalankan kegiatan-kegiatan Kempen Keselamatan Jalanraya atau seumpamanya adalah berjumlah sebanyak \$283,500. Kementerian saya memang sedar betapa perlunya dipergiatkan lagi kegiatan-kegiatan keselamatan jalanraya bagi mengatasi masalah-masalah keselamatan jalanraya di negara ini.

Kementerian saya telah berusaha bagi mendapatkan peruntukan Kementerian bagi kegiatan-kegiatan kempen dan peruntukan Kementerian ini telah ditambah oleh Kerajaan dari setahun ke setahun. Selain daripada itu Jawatankuasa Kempen Peringkat Negeri-negeri juga mendapatkan peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Negeri masing-masing bagi menambah peruntukan-peruntukan di peringkat negeri itu. Sebagai kepentingan bersama pihak swasta juga memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan Kempen Keselamatan Jalanraya pada setiap tahun itu dengan membuat kempen samada daripada kewangan ataupun material.

Menyentuh mengenai Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di negeri-negeri yang didapati kekurangan, saya sendiri bagi pihak Kementerian ini memanglah menyedari keadaan itu dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran itu.

Pihak Kementerian Pengangkutan memanglah sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang lebih selesa dengan mengadakan bangunan-bangunan yang lebih sesuai sebagaimana yang dicadangkan. Satu cara untuk mengatasi kesesakan di Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di Negeri-negeri ialah dengan mengadakan Pejabat-pejabat cawangan di peringkat daerah-daerah.

Mengenai masalah kebocoran bumbung Pejabat Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan, pembinaan Pejabat cawangan dan Pejabat pejabat Kecil pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan sedang mengambil perhatian.

Mengenai perkara kesesakan Kontena di Pelabuhan Kelang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa memanglah keadaan kadang-kadang berlaku dalam sesuatu ketika di mana kesesakan berlaku tetapi bukanlah sepanjang masa. Bagaimanapun, menurut kemudahan yang ada sekarang tidaklah timbul masalah kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang, kerana sebagaimana yang kita ketahui lapangan kontena yang ada di Pelabuhan Kelang itu boleh memuatkan tidak kurang daripada 7,000 kotak kontena. Namun, sehingga hari ini belum biasa berlaku bahawa kotak-kotak kontena yang terdapat di Container Yard di Pelabuhan Kelang itu melebihi daripada peringkat 7,000. Mungkin boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan masalah ini bersabit dengan berlakunya kesesakan sedikit selepas hari raya atau beberapa bulan yang lalu yang mengakibatkan hampir 4,000 kotak kontena yang terdapat di Container Yard itu tetapi ini tidaklah dianggap suatu keadaan yang merumitkan.

Barangkali boleh jugalah saya mengakui terdapat kerumitan mengenai pengangkutan kontena di Pelabuhan Kelang ialah disebabkan bertambahnya kontena-kontena 40 kaki dari satu masa ke satu masa dan kelewatan pengangkutan kontena-kontena 40 kaki ini ialah disebabkan pihak Kontena Nasional tidak mempunyai cukup trailer-trailer yang boleh mengangkut kontena 40 kaki itu. Akibatnya memanglah kadang-kadang berlaku kelewatan dalam pengangkutan kontena 40 kaki itu tetapi bagaimanapun, Kontena Nasional telahpun menjalankan usaha mendapatkan trailer-trailer dan prime mover yang boleh mengangkut kontena-kontena 40 kaki itu dan alat-alat itu dijangka akan didapati sebelum akhir tahun ini. Jadi, apabila Kontena Nasional mempunyai alat-alat yang cukup maka tidaklah kemungkinan akan berlaku kesesakan atau kelambatan bagi pengangkutan kontena 40 kaki.

Berhubung dengan kontena 20 kaki, saya rasa keadaan kesesakan tidak berlaku. Mungkin ada perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai masalah demurrage. Pihak Kementerian saya dan saya sendiri telahpun mengambil tindakan dalam masalah ini, kerana saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa tentang mengenakan denda (punishment) berhubung

dengan peraturan demurrage di Pelabuhan Kelang itu memanglah kita harus bertindak secara adil. Barangkali oleh sebab Kontena Nasional tidak dapat mengadakan alat-alat yang lengkap bagi mengangkut kotak-kotak kontena 40 kaki maka mungkin berlaku kelewatan yang menyebabkan ia harus dikenakan denda mengikut peraturan demurrage di Pelabuhan Kelang itu tetapi masalah ini telahpun kita rundingkan dengan pihak pelabuhan supaya dapat memberikan kerjasama dalam kes-kes yang tertentu, dalam masalah-masalah yang tertentu yang tidak dapat dielakkan maka demurrage itu dapat dikendurkan atau tidak dikenakan dalam tempoh-tempoh yang tertentu walaupun melebihi daripada 7 hari yakni masa yang telah ditentukan oleh pihak Pelabuhan Kelang masa bagi menentukan kenanya hukuman denda yang termasuk dalam peraturan demurrage itu. Tetapi bagaimanapun, berbalik kepada apa yang saya katakan tadi sekiranya Kontena Nasional dapat mengadakan alat-alat yang lengkap, yakni dapat mengadakan trailer-trailer bagi mengangkut kontena-kontena 40 kaki dengan sempurna, maka dengan sendirinya peraturan-peraturan demurrage ini tidak akan berlaku dan tidak akan dikenakan kepada pihak-pihak, terutama sekali pihak-pihak yang tidak patut menerima denda yang tersebut.

Berhubung dengan teguran atau perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih dan saya percaya pihak Kerajaan kita sedia memberikan kesempatan-kesempatan yang seberapa boleh kepada pihak bumiputra untuk mengambil kesempatan-kesempatan menjalankan perusahaan-perusahaan atau perniagaan apabila Pelabuhan Kuantan itu dijalankan dengan sempurna. Demikian juga kemudahan pengangkut seperti jalan keretapi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, jalan keretapi daripada pelabuhan ke Pantai Barat, barangkali perkara ini memang di dalam perhatian Kerajaan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan memberikan kepercayaan kepada Kementerian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,930,400 untuk Maksud B. 54, \$6,469,000 untuk Maksud B. 55, \$9,704,100 untuk Maksud B. 56, \$10 untuk Maksud B. 57, \$12,610,900 untuk Maksud B. 58, \$9,815,500 untuk Maksud B. 59 dan \$14,963,500 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$357,420,227 untuk Maksud P. 54, \$2,648,630 untuk Maksud P. 55, \$8,362,690 untuk Maksud P. 56, \$79,201,887 untuk Maksud P. 57, \$54,208,355 untuk Maksud P. 58, \$3,591,000 untuk Maksud P. 59 dan \$1,996,842 untuk Maksud P. 60 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian untuk Maksud Bekalan B. 61, B. 62 dan B. 63 dan Maksud Pembangunan P. 61, P. 62 dan P. 63.

*Maksud B. 61, B. 62 dan P. 63 (Jadual)—*

*Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

*4.04 petang.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanjawan tahun 1980 bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Jabatan-jabatan di bawahnya. Anggaran Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 61 hingga B. 63 adalah seperti berikut:

|       |  |              |
|-------|--|--------------|
| B. 61 | ... Kementerian Tenaga,<br>Telekom dan Pos ... | \$22,825,900 |
| B. 62 | ... Jabatan Telekom ...                        | \$ 10        |
| B. 63 | ... Jabatan Perkhidmatan<br>Pos ... ..         | \$89,745,000 |

Anggaran Pembangunan pula bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Jabatan-jabatan di bawahnya bagi Maksud Kepala P. 61 hingga P. 63 adalah seperti berikut:

|       |  |               |
|-------|--|---------------|
| P. 61 | ... Kementerian Tenaga,<br>Telekom dan Pos ... | \$671,562,099 |
| P. 62 | ... Jabatan Telekom ...                        | \$584,917,010 |
| P. 63 | ... Jabatan Perkhidmatan<br>Pos ... ..         | \$ 18,960,994 |

Secara amnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mempunyai dua objektif besar. Pertama, merumus dan merancang Dasar Tenaga Negara untuk memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan kedua, untuk memperluaskan serta meninggikan mutu perkhidmatan telekom dan pos di seluruh negara. Dalam hal ini Kementerian saya berusaha memperkemas dasar-dasar yang ada dan membentuk dasar-dasar baru di mana perlu bagi semua perkhidmatan telekom dan pos serta juga kemudahan tenaga elektrik, termasuk bekalan elektrik luar bandar akar perkhidmatan-perkhidmatan ini dapat mendatangkan manfaat yang berkesan terhadap mutu kehidupan rakyat serta akan mendorong pembangunan negara ini.

Satu keputusan telah dibuat untuk mengintegrasikan Jabatan Perkhidmatan Pos dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mulai 1hb Januari, 1980. Tujuan utama integrasi ini ialah untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos di negara ini di mana Kementerian akan melaksanakan tugas-tugas yang bukan operasi seperti perkara-perkara mengenai perancangan, pembangunan, perkhidmatan, kewangan antarabangsa dan latihan. Dengan ini dapatlah Jabatan Perkhidmatan Pos menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugas operasi.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memberikan penerangan lanjut di atas Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini.

#### *Jabatan Telekom*

Belanjawan Jabatan Telekom bagi tahun 1980 yang dianggarkan adalah sebanyak \$1,130,971,000 yang mana sebanyak \$838,545,000 adalah diperlukan untuk kerja-kerja modal dan bakinya sebanyak \$292,426,000 adalah merupakan Belanja Mengurus. Jabatan Telekom menganggarkan bahawa hasil yang akan diperolehi dalam tahun 1980 ialah sebanyak \$546,054,000. Oleh itu, bagi menampung kekurangan ini, pinjaman sebanyak \$584,917,000 adalah diperlukan oleh Jabatan Telekom. Di sini saya menyatakan bahawa untuk meningkatkan lagi kecukupan Jabatan ini untuk menjalankan tanggungjawabnya rancangan untuk menyusun semula organisasi pentadbiran Jabatan Telekom telah mulai dilaksanakan dalam bulan ini. Prinsip utama penyusunan semula ini ialah untuk memberi kuasa "autonomi" kepada kawasan-kawasan wilayah telekom

yang baru diwujudkan dan untuk memberi tugas pelaksanaan dan kerja-kerja maintenance kepada Telekom Area Office atau Pejabat Telekom Kawasan. Dengan Langkah ini maka organisasi Jabatan Telekom akan menjadi lebih kemas dan efektif lagi demi untuk memberi layanan dan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada orang ramai.

Satu lagi langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya bagi memastikan projek-projek telekom dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna ialah untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan supaya pelaksanaan kerja rangkaian kebel dan pemasangan ibusawat dilakukan secara "turnkey" pada keseluruhannya. Hanya melalui sistem "turnkey" ini barulah masalah kelambatan untuk mendapat perkhidmatan telefon akan dapat dikurangkan. Dalam masa perjalanan dasar ini, Jabatan Telekom boleh menumpukan usaha mereka terhadap rancangan jangka masa panjang, penyelenggaraan loji talian dan alat-alat pelanggan untuk meninggikan mutu perkhidmatannya di samping menggunakan masa ini untuk memberi latihan yang cukup kepada kakitangan baru.

Rancangan kerja-kerja modal yang akan dilaksanakan dalam tahun 1980 adalah seperti berikut:

- (1) membeli peralatan tambahan kepada ibusawat yang sedia ada dan mengadakan ibusawat telefon automatik baru, iaitu 57 buah ibusawat besar, 70 buah ibusawat jenis "Kabin" dan 24 buah ibusawat luar bandar. Dengan ini jumlah penambahan muatan ibusawat dalam tahun 1980 adalah dijangka sebanyak 164,705 talian.
- (2) Memasang 374,100 pasangan talian kebel bawah tanah dan pemasangan 279,400 talian tambahan pelanggan telefon dan 655 pelanggan telex.
- (3) Mengadakan 120,000 liter batu perhubungan rangkaian di antara ibusawat-ibusawat besar dan kecil di seluruh negara.
- (4) Menyempurnakan kerja-kerja di atas stesyen satelit bumi kedua di Melaka dan menyiapkan kebel dasar laut di antara Kuantan dan Kuching yang akan menghubungi Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

- (5) Menubuhkan tiga pusat latihan telekom baru di Melaka, Trengganu dan Taiping.
- (6) Melaksanakan projek kebel dasar laut IOCCM di antara Pulau Pinang dan Madras.
- (7) Menguruskan pengambilan tanah dan kerja-kerja "sivil".

#### B. Jabatan Perkhidmatan Pos

Bagi tahun 1980 Jabatan Perkhidmatan Pos memerlukan peruntukan sebanyak M\$108,705,994 iaitu terdiri daripada M\$89,745,000 bagi perbelanjaan mengurus dan M\$18,940,994 bagi perbelanjaan pembangunan.

Jabatan Perkhidmatan Pos akan meneruskan programnya untuk meluaskan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk luar bandar dengan pelancaran 24 lagi pejabat Pos Bergerak dan menubuhkan sebanyak 80 buah lagi Wakil-wakil Pos di seluruh negara. Kompleks pejabat dan Ibu Pejabat Pos Baru Kuala Lumpur merupakan salah satu projek utama Jabatan berkenaan dan kerja-kerja cerucuk (piling works) yang sedang dilaksanakan sekarang dijangka akan selesai pada penghujung tahun 1980 dan pembinaan bangunannya dijangka akan bermula selepas itu hingga ke tahun 1981.

Projek pembinaan Institut Latihan Pos pula yang akan dibina di ladang Bukit Kiara Kuala Lumpur dijangka akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 1980 dan kerja-kerja ini dijangka akan dibawa kepada tahun 1981. Dengan adanya institut ini, saya percaya program yang teratur akan dapat disusun bagi menambahkan lagi kecekapan pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan Pos dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

#### C. Atas Perkara Tenaga

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga bertanggungjawab ke atas perkara-perkara mengenai tenaga dan juga LLN. Jumlah peruntukan (secara langsung dan pinjaman) yang diminta bagi Lembaga Letrik Negara ialah sebanyak M\$573,692,262.

Dari jumlah tersebut, sebanyak M\$82,464,356 adalah merupakan "grant" ataupun pemberian secara langsung yang dikehendaki untuk perbekalan elektrik luar

bandar di Semenanjung. Sevanjak M\$201,000,000 lagi adalah merupakan penyertaan equiti Kerajaan dalam LLN. Penyertaan equiti ini adalah perlu kerana LLN telah menghadapi kedudukan kewangan yang genting akibat perkembangan pesat yang berlaku ke atas projek-projek pembangunan LLN, di samping akibat harga minyak yang terpaksa ditanggung olehnya. LLN hanya berupaya untuk membiayai 9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan yang dilaksanakan itu daripada sumbangan kewangannya sendiri. Dengan ini penyertaan equiti Kerajaan adalah perlu untuk menutupi jurang kewangannya dalam tahun 1980.

Bagi bekalan elektrik luar bandar di Sabah dan Sarawak peruntukan secara langsung masing-masing sebanyak M\$2,279,000 dan sebanyak M\$3,891,847 adalah diminta.

Program-program bekalan elektrik luar bandar akan terus dipergiatkan lagi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Satu peruntukan khas telah diwujudkan oleh Kerajaan baru-baru ini untuk memberi bekalan elektrik ke kawasan-kawasan FELDA. Peruntukan permulaan yang telah dipersetujui ialah sebanyak \$30 juta.

Perlu diingat juga bahawa matlamat untuk memberi elektrik ke kawasan luar bandar akan hanya dapat disempurnakan berperingkat-peringkat. Adalah dijangka bahawa sebanyak lebih kurang 55% daripada rumah-rumah dalam kawasan luar bandar akan mendapat bekalan elektrik pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga berbanding dengan 41% pada akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Bagi peruntukan pinjaman pula LLN memerlukan untuk membiayai beberapa projek yang besar yang sedang dilaksanakan. Di antara projek-projek besar ialah Projek Haidro Elektrik Trengganu yang merupakan projek pelbagai guna iaitu untuk menjanakan kuasa, mengawal banjir sebagai rancangan taliair dan juga pusat rekreasi. Projek haidro ini akan memberi keupayaan kuasa sebanyak 400 MW apabila siap kelak. Satu lagi projek besar ialah Projek Haidro Elektrik Bersia dan Kenering yang dijadualkan akan siap pada tahun 1983. Projek ini akan mempunyai keupayaan kuasa sebanyak 192 MW apabila siap kelak.

Selain daripada itu, LLN juga sedang melaksanakan projek Stesyen Jana-elektrik Pasir Gudang yang akan mempunyai keupayaan sebanyak 240 MW dan boleh diperbesarkan lagi hingga 600 MW. Dengan terlaksananya stesyen ini saya percaya keperluan tenaga bagi kawasan selatan Semenanjung Malaysia akan dapat dipenuhi. Setakat ini kerja-kerja cerucuk telah selesai dan dandang (boiler) yang pertama sedang di bina sekarang dan projek ini dijangka siap untuk digunakan dalam tahun 1981.

Memandangkan kepada kedudukan harga minyak pada masa ini adalah tinggi dan kemungkinan besar akan berlaku lagi kenaikan harga minyak, pihak LLN telah menjalankan kajian kemungkinan projek mini haidro yang mana akan memberi keupayaan di antara 250 kwh ke 4500 kwh tiap-tiap satu. Pasukan Petugas khas telah dibentuk untuk menyelaraskan pelaksanaan skim ini. Sebanyak 22 buah projek mini haidro telah diluluskan oleh Kerajaan bagi LLN menjalankan kajian dan melaksanakannya pada tahun depan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa Rangkaian Kebangsaan (National Grid) telah diperluaskan lagi daripada Kuantan ke Pekan dan Tanjung Gelang. LLN menjangka rangkaian ini akan dapat diperluaskan lagi kepada bandar-bandar Jerantut, Jengka, Kuala Lipis dan Kemaman dalam tahun 1980 nanti. Peringkat awal perluasan rangkaian ini daripada Temenggor ke Machang, Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kemaman dijangka akan siap diakhir tahun 1980. Dengan terlaksananya rangkaian yang meliputi seluruh negara ini ianya akan menggalakkan lagi pembangunan industri ke setiap pelusuk negara.

Selain daripada bertanggungjawab kepada perkara elektrik, Kementerian saya juga telah dipertugaskan mengenai perkara-perkara tenaga. Kementerian telah diberikan tugas sebagai Urusetia kepada beberapa Jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga dan Jawatankuasa Penyelarasan dan Perlaksanaan mengenai tenaga peringkat pegawai.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya sebagaimana yang telah saya sebutkan kesemuanya adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan orang ramai yang sedang bertambah dengan kadar yang tinggi. Di

samping itu Kementerian saya senantiasa insaf bahawa orang ramai meletak harapan mereka agar mutu perkhidmatan Jabatan-jabatan dalam Kementerian ini dapat mencerminkan perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap, bersih serta bersopan dan berdisiplin pada setiap ketika.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan B. 61, B. 62 dan B. 63 dan Maksud Pembangunan P. 61, P. 62 dan P. 63 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang terbuka untuk dibahas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.20 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran yang dipohonkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang tadi telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya ingin memberi sedikit pendapat saya berkenaan muka surat 495—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Berkenaan letrik luar bandar ini, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang telah memberi satu anggaran yang besar untuk memberi perkhidmatan letrik ke kampung-kampung di luar bandar dan saya harap juga dengan bantuan sebesar ini pihak berkenaan boleh bertugas dengan secepat mungkin untuk memberi perkhidmatan dalam masa jangka pendek ini.

Saya juga ingin memberi satu cadangan iaitu khasnya di dalam Wilayah Persekutuan di mana ada kampung-kampung dan beberapa tempat di dalam Wilayah Persekutuan dan juga kawasan-kawasan rumah setinggan yang perlu diadakan perkhidmatan letrik tetapi tidak ada satu peruntukan khas untuk mereka dan sebagai satu contoh ada satu kampung di dalam kawasan saya iaitu Kampung Batu Muda di mana ada 300 lebih rumah dan mereka telah membuat permohonan meminta diadakan bekalan letrik sudah tiga-empat tahun tetapi tidak boleh dapat bekalan letrik oleh kerana mereka perlu membayar lebih kurang \$100,000 bagi mengadakan satu sub-station dan oleh kerana orang-orang kampung itu adalah terdiri dari

golongan yang miskin, mereka tidak boleh membayar wang semacam ini, dan saya haraplah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos boleh mengkaji, bolehkah diadakan satu peruntukan khas untuk kampung-kampung dan kawasan-kawasan rumah setinggan di mana penduduk-penduduk di tempat-tempat itu tidak ada kemampuan membayar contribution seperti yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan P. 62, Butiran (1)—Pembayaran kepada Telekom untuk Projek-projek, Pembangunan, muka surat 498.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pendapat saya berkenaan Wilayah Persekutuan menjadi Financial Centre bagi negara kita ini dan saya harap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos boleh mengambil perhatian jika Malaysia dan Kuala Lumpur akan menjadi satu Financial Centre di dalam ASEAN, kita perlu mengadakan talian-talian telefon dan juga telex dan berbagai alat communication yang up-to-date.

Saya telah mendapat beberapa komplek daripada pihak swasta apabila mereka membuat permohonan talian telefon, mereka terpaksa menunggu bukan oleh kerana tidak ada talian telefon tetapi tempat yang ada ialah tempat di mana tidak ada orang menggunakan talian-talian telefon itu. Dan saya harap bahawa Jabatan Telekom, pihak perancangan boleh mengkaji semula dan jika boleh bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Kementerian Kerajaan Tempatan apabila mereka mengkaji Pelan Induk Wilayah Persekutuan, pihak Jabatan Telekom pun boleh dijemput memberi cadangan-cadangan mereka dan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.27 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya turut sama menyokong usul Belanjawan yang dipohonkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 61, Butiran I—Bekalan Letrik Luar Bandar, muka surat 495.

Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil peluang bagi pihak penduduk-penduduk kampung baru dan pekan-pekan kecil dalam kawasan saya, untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, oleh kerana sejak akhir tahun 1978 pihak Syarikat pengeluar letrik Kinta (KED) telah menukar perbekalan letrik daripada yang menggunakan generator iaitu 12 jam sehari kepada perbekalan pukal yang disambung daripada kuasa letrik di Empangan Cenderoh. Dengan hal yang demikian, penduduk-penduduk yang berkenaan bukan sahaja telah dapat perbekalan letrik 24 jam sehari akan tetapi mereka juga dapat menikmati perbekalan yang lebih baik dengan bayaran yang lebih murah.

Tuan Pengerusi, walaupun demikian dengan adanya perubahan-perubahan yang saya sebutkan tadi akan tetapi oleh kerana banyak lagi kampung-kampung dalam kawasan saya, iaitu kampung-kampung tradisi yang masih menunggu untuk mendapatkan perbekalan letrik dengan segera. Kita yakin dengan peruntukan yang besar yang disediakan oleh Kerajaan pada tiap-tiap tahun, insya Allah pada satu hari nanti mereka akan dapat menikmati juga perbekalan letrik seperti yang diidam-idamkan sebagaimana kawasan-kawasan perkampungan baru dan pekan-pekan kecil yang saya sebutkan tadi. Akan tetapi oleh kerana pengagihan belanja atau peruntukan projek elektrik yang dilaksanakan pada masa ini di negeri Perak tidak begitu seimbang, adalah tidak diketahui bilakah masanya akan selesai pihak Kerajaan khususnya pihak KED dapat membekalkan elektrik kepada lebih kurang 45 buah lagi kampung-kampung dalam kawasan saya yang belum mendapat perbekalan elektrik. Oleh sebab saya kata begitu, Tuan Pengerusi, sebagai contohnya peruntukan perbekalan elektrik bagi tahun 1979 ini yang diperuntukkan kepada daerah Kuala Kangsar yang mengandungi kawasan Parlimen Kuala Kangsar, Sungai Siput dan Padang Rengas sebanyak \$1.8 juta, kalau tidak silap saya, kawasan saya iaitu Parlimen Padang Rengas hanya mendapat peruntukan sebanyak \$33,420 sahaja iaitu bagi menyambung perbekalan elektrik yang telah diberi kepada sebuah kampung pada tahun yang lain. Jadi dengan hal yang demikian, adalah diharapkan kepada pihak Kementerian dapat menyiasat dan mengambil tindakan bagi mengelakkan atau mengagihkan peruntukan yang lebih memuaskan lagi ke daerah-daerah.

Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini juga, dalam sidang bulan Jun yang lalu, saya telah menimbulkan masalah penduduk-penduduk dalam kawasan saya iaitu mereka telah berkorban sejak tahun 1926 kerana mendirikan Ampangan Cenderoh kerana kawasan-kawasan laluan talian api elektrik kawasan itu penduduk-penduduk telah banyak berkorban menebang pokok buah-buahan, dusun dan sebagainya, kemudian apakala talian elektrik dari Batang Padang ke utara melalui kawasan saya juga dan baru-baru ini apabila Ampangan Temenggor telah siap talian elektrik melalui kawasan saya juga dan tidak lama lagi sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi apakala siap Ampangan Kenering dan juga Bersia kemungkinan aliran elektrik ini akan melalui kawasan saya lagi. Tetapi penduduk-penduduk dalam kawasan saya sebagaimana saya sebutkan tadi masih lagi sebahagian besarnya belum dapat menikmati api elektrik.

Sebagaimana saya sebutkan pada awal-awal tadi, Tuan Pengerusi, kampung-kampung baru dan pekan-pekan kecil telah bertukar mendapat bekalan yang lebih baik iaitu daripada perbekalan pukal daripada elektrik Chenderoh melalui kabel sejauh 20 batu melalui dalam tanah di hadapan rumah penduduk-penduduk kampung dalam kawasan saya. Kalau dahulu penduduk-penduduk dalam kawasan saya mengatakan bahawa kami hanya menengok talian-talian di atas, hari ini mereka mengatakan bahawa kami ada elektrik dalam tanah melalui kawasan kami, tetapi elektrik belum dapat juga. Inilah yang menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk tempatan. Jadi, saya harap kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan permohonan saya ini walaupun berkali-kali saya telah menyebutkan dalam dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pula P. 63 Butiran 1—Pejabat-pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman, muka surat 504. Dalam perkara ini saya hanya menyentuh sedikit sahaja. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berhubung dengan dua buah pejabat pos dalam kawasan saya yang telah tua iaitu sama-sama wujud dengan adanya pekan-pekan tempatan berkenaan serta sempit dan juga ketinggalan zaman jika dibandingkan dengan pembinaan pejabat-pejabat yang lain yang ada di kawasan tersebut. Pejabat-

pejabat pos itu ialah sebuah di Pekan Rengas dan sebuah lagi di pekan Lenggong yang diganti dengan bangunan baru yang lebih sesuai dan besar lagi dengan perkembangan perkhidmatan dan keperluan penduduk-penduduk tempatan. Oleh kerana Pejabat Pos di kawasan saya, iaitu di luar bandar ini menjadi tumpuan bukan sahaja untuk pos tetapi juga untuk pembayaran letrik, pembayaran pencen angkatan tentera, pembayaran elaun angkatan tentera dan lain-lain lagi. Jadi kawasan-kawasan ini selalu sempit dan tidaklah sesuai lagi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pejabat Pos di Pekan Lenggong, saya suka memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tahun 1974 yang lalu, Yang Berhormat bekas Menteri Perhubungan pada masa itu yang bertanggungjawab kepada Jabatan Pos telah memberitahu orang di dalam Majlis Pelancaran Kereta Pos Bergerak di pekan Lenggong. Beliau berjanji untuk menggantikan bangunan Pejabat Pos Lenggong yang telah dilawati sebelumnya iaitu beliau mengatakan bahawa pejabat pos itu tidak sesuai lagi dan ketinggalan zaman dan patutlah diganti dengan seberapa segera. Akan tetapi, sehingga hari ini tidaklah ada apa-apa tindakan yang diambil bagi menggantikan pejabat pos yang telah tua di pekan Lenggong. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat menyiasat dan mengambil tindakan yang selanjutnya.

Dengan ini sekali lagi menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab selewat-lewatnya pukul 5.30 petang.

4.38 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya suka berucap secara ringkasnya, yang pertama saya merojok Kepala P. 61 muka surat 496, Butiran No. (15) Penyertaan Ekuiti Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara. Tuan Pengerusi, sejumlah \$201 juta telah diminta untuk diluluskan sebagai satu cara untuk mengatasi kedudukan kewangan yang dialami oleh pihak LLN akibat kenaikan harga minyak.

Menyentuh perkara ini, saya suka berucap mengenai kenaikan tarif elektrik, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, memutuskan pertambahan 2.6 sen setiap unit ke atas "Fuel Cost Variation Charge" (FCVC). Pihak LLN telah memberikan sebab kenaikan sebagai membiayai kos yang bertambah ke atas minyak atau bahanapi yang diimport.

Satu kenaikan sumpama itu, pada pandangan saya, adalah tidak adil dan tidak boleh dipertimbangkan oleh kerana kegagalannya untuk mendapatkan keyakinan dalam matlamat-matlamat negara di antara satu sama bagi memperoleh faedah-faedah yang setinggi-tingginya untuk rakyat.

Sebagai sebuah negara pengeksport minyak petroleum, hasil yang diperolehi daripada eksport minyak (export of crude oil) kita haruslah digunakan untuk membiayai pertambahan kos elektrik.

Jika setiap harga petroleum yang diimport bertambah bermakna bahawa rakyat Malaysia terpaksa membayar kos elektrik yang tinggi dan sekiranya ini benar, maka adalah perlu bahawa Kerajaan mengkaji semula keseluruhan skim penggunaan punca-punca petroleum kita, dan perhubungan kerja dan penyelarasan pembangunan di antara PETRONAS dan Lembaga yang berkenaan.

Kos elektrik memang tinggi sebelum kenaikan baharu-baharu ini. Dengan kenaikan FCVC, pengguna-pengguna perusahaan Malaysia terpaksa membayar bayaran elektrik yang tinggi, yang kalau dibandingkan dengan lain-lain negara di Asia Tenggara adalah tertinggi sekali. Kita mengambil berat ke atas implikasi yang timbul berikutan kenaikan kos elektrik ke atas pembangunan ekonomi negara kita.

Tanpa diragukan bahawa penyesuaian yang meningkat ke atas FCVC akan menaikkan kos pengeluaran dan berikutnya akan mengarahi kepada kenaikan barang-barang dan perkhidmatan. Pengguna-pengguna elektrik rumah kediaman akan, bagaimanapun, memikul satu beban yang berat dalam menyelenggarakan perbelanjaan keluarga mereka. Kesannya adalah lebih dirasakan oleh orang-orang yang miskin. Meskipun Kerajaan telah melaksanakan berbagai tindakan fiskal dan lain-lain rancangan untuk melawan inflasi bagi meringankan kesan atau pukulan inflasi ke

atas pengguna-pengguna, terutamanya orang-orang miskin, kenaikan kos elektrik tentunya meninggikan pula satu pertambahan dalam angka taju kos sara hidup.

Lebih-lebih lagi faktor kos tenaga yang bertambah akan menjadi satu halangan atau melemahkan dalam menarik pelabur-pelabur asing, terutamanya yang ada kaitan dengan industri-industri yang menggunakan tenaga yang berat. Kenaikan dalam kos elektrik akan melembabkan prospek untuk menarik pelabur-pelabur yang mungkin akan memilih lain-lain negara di Asia Tenggara yang mengenakan bayaran elektrik yang boleh dikatakan rendah. Akhirnya kenaikan bayaran-bayaran elektrik akan mengganggu prospek-prospek pelaburan semula untuk industri-industri yang sedia ada.

Memandangkan kepada perkara ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula polisi harga kuasa Lembaga Letrik Negara dengan memberi lebih subsidi kepada kos membekal elektrik kepada pengguna-pengguna perniagaan dan perindustrian selaras dengan objektif polisi petroleum negara kita untuk membawakan penggunaan punca yang secepat-cekapnya untuk pembangunan perindustrian. Apa yang patut kita tujukan, pada akhirnya, ialah satu polisi tenaga yang murah untuk memenuhi keperluan negara kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Kepala B. 61, muka surat 493, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perancangan dan Penyelidikan.

Mengenai Perancangan dan Penyelidikan saya ingin menyentuh tentang perlunya penyelidikan untuk mencari punca-punca tenaga baru dan gantian untuk Hanya punca-punca tenaga yang boleh dibaharui sahaja mempunyai kemungkinan memberikan tenaga yang lebih kepada kawasan luar bandar dengan lebih cepat dan kurang kecemasan.

Untuk menyelesaikan keperluan-keperluan tenaga kita untuk masa depan, kita tidak boleh bergantung kepada elektrik sahaja, tetapi terpaksa mencari punca-punca yang lain. Negara kita haruslah melaksanakan satu strategi penyelidikan tenaga dan pembangunan yang sempurna. Kementerian sepatutnya mempunyai satu inventory keperluan tenaga yang komprehensif untuk negara dan ini boleh menjadi satu asas dasar tenaga untuk negara kita.

Untuk melaksanakan objektif ini, adalah bagi Kerajaan memberikan bantuan kewangan bagi membantu usaha-usaha mencari punca-punca gantian. Memandangkan perkara di atas, saya suka mencadangkan bahawa kerajaan haruslah mempunyai satu tabung khas yang dipanggil satu Tabung Wang Jaminan Tenaga untuk merancang dan memenuhi keperluan tenaga negara untuk masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Julau.

4.45 ptg.

**Tuan Thomas Salang Siden (Julau):** Tuan Pengerusi, saya berucap sedikit di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Maksud P. 61, Butiran 25 dan 26, muka surat 496 dan 497—Perbadanan Bekalan Letrik, Sarawak dan wang yang diperuntukkan sebanyak \$35,657,000.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Butiran berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Thomas Salang Siden:** Butiran 25 dan 26.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan Thomas Salang Siden:** Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh satu dua perkara yang saya anggap penting. Yang pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana telah melantik seorang wakil dari Sarawak untuk menjadi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya percaya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos lebih lagi faham kesusahan rakyat khususnya rakyat di luar bandar yang perlukan bekalan elektrik.

Yang kedua, saya ingin mengesyorkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos melawat ke negeri Sarawak terutama sekali kawasan di luar bandar dan saya fikir beliau haruslah merujuk kepada laporan-laporan dari Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak (SESCO).

**Tuan Pengerusi:** Bulan apa yang baik dia melawat, Yang Berhormat?

**Tuan Thomas Salang Siden:** Tahun hadapan. Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri sudahpun memberi bantuan kepada SESCO secara besar-besaran dan saya berpendapat bahawa tiap-tiap tahun Kerajaan Pusat juga menyediakan peruntukan supaya pihak SESCO dapat melaksanakan rancangan-rancangan elektrik di kawasan bandar dan di luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya di sini bukan mengadu akan tetapi untuk maklumat Kementerian berkenaan supaya dapat mengambil perhatian, misalnya, di kawasan saya selalu berlaku iaitu pihak SESCO Sarawak sebelum menyambung dawai elektrik dari sebuah rumah ke sebuah rumah pihak SESCO mengutip wang terlebih dahulu dari orang ramai dan inilah yang menyebabkan bahawa orang yang kaya sahaja yang dapat bekalan elektrik dan orang yang miskin terpaksa tinggal di bidang bekalan elektrik.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian yang bertanggungjawab supaya dapat menyasat dan memenuhkan semula rancangan-rancangan di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar supaya dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, kalau tidak salah saya bila Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 26hb Jun, 1979 beliau berkata bahawa pihak SESCO akan berlaku adil dalam menjalankan tugas-tugas di seluruh negeri Sarawak. Saya di sini ingin menegaskan bahawa kawasan saya Julau Bahagian Ke 6 pihak SESCO ini menyambung dengan 4 tiang beliau dan lain-lain ongkosnya \$12,000 dan ini menyebabkan orang yang miskin tidak mendapat bekalan elektrik.

Yang kedua, saya sendiri sudah memohon menyambungkan wayar kepada rumah saya tidak ada tiang belian yang akan didirikan dan pihak SESCO meminta bayaran sebanyak \$2,601.50 jauhnya ialah 120 kaki sahaja. Seorang sahabat saya juga memohon dan bayaran yang dikehendaki sebanyak \$700, harga satu tiang belian dan bila wang tunai itu sudah dibayar kepada pihak SESCO pihak pekerja SESCO yang lain mengatakan

tiang yang sudah dibayar itu tidak perlu didirikan. Pihak SESCO ini dapat menyambung wayar dari tiang-tiang yang lain. Saya difahamkan hingga kini sudah lima tahun wang tunai untuk membeli tiang berjumlah \$700 belum dipulangkan oleh SESCO.

Tuan Pengerusi, ini satu contoh ada separuh pihak kakitangan SESCO itu telah menyeleweng semasa menjalankan tugas-tugas di kawasan luar bandar. Ini pula akan memburukkan nama Kerajaan. Namun demikian saya mencadangkan bahawa Kerajaan Pusat menubuhkan cawangan-cawangan Lembaga Letrik Negara (LLN) kepada negeri Sarawak, untuk mempercepatkan bekalan elektrik di tiap-tiap bahagian di negeri itu.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyokong Belanjawan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.53 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butir 1100, Aktiviti 2—Perancangan dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, kalau kita ada membaca Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1980 kita akan dapati bahawa Kementerian ini ada memainkan satu peranan yang sangat mustahak khususnya di bidang untuk merumus dan merancang dasar tenaga negara untuk memastikan bekalan tenaga adalah mencukupi bagi keperluan kita.

Tuan Pengerusi, dari ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita boleh dapat tahu bahawa tarif bekalan elektrik ini mungkin akan dinaikkan lagi kalau harga minyak di seluruh dunia dinaikkan lagi. Sekarang sudah sampai masanya Kerajaan Malaysia menimbang dan mengadakan satu dasar tenaga negara yang jangka panjang supaya, Malaysia sebagai pengeluar minyak tidak akan dipengaruhi oleh kenaikan harga minyak dunia sehingga harga tarif ini akan dinaikkan lagi.

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang mengatakan kenaikan tarif ini tidak akan mengakibatkan atau mempengaruhi pengguna-pengguna yang kurang

daripada tarif yang ditaksirkan. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan kenaikan harga tenaga baru-baru ini baik di perusahaan perkilangan, perusahaan perkhidmatan, perniagaan semua barangnya telah ikut naik maka yang akan menerima akibat dan pukulan yang hebat ialah pengguna-pengguna yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah umpamanya dalam barang-barang makanan pakaian dan lain-lainnya. Nampaknya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sudah kelalaian di atas satu perkara yang mustahak. LLN bukanlah sebuah badan perniagaan yang mencari keuntungan. Sebenarnya LLN mempunyai satu tugas yang sangat mustahak untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat di negara kita.

Di sini nampaknya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sudah cuai dalam tanggungjawabnya untuk melindungi rakyat Malaysia sebagai pengguna yang terbesar di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan bahawa kenaikan harga bekalan tenaga baru-baru ini tidak membawa apa-apa kesan yang buruk terhadap rakyat Malaysia.

Saya di sini perlu meminta satu penjelasan yang jelas daripada pihak Kementerian, kerana saya langsung tidak bersetuju dengan pendapat yang dilaporkan dalam suratkhbar, kalaulah satu Jawatankuasa boleh ditubuhkan untuk mengkaji dan menyiasat akibat kenaikan ini, tentu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan dapat mengesan sejauh manakah rakyat Malaysia sudah terikat dalam kenaikan harga ini melalui kenaikan harga barang-barang yang mereka guna sehari-hari.

Tuan Pengerusi, saya fikir Malaysia perlulah juga mengkaji bagaimana kita boleh mengguna tenaga solar supaya kita tidak bergantung begitu berat terhadap penggunaan tenaga minyak memandangkan keadaan dan perkembangan harga minyak di seluruh dunia ini, saya fikir sudah sampai masanya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, menubuhkan satu Jawatankuasa khas untuk mengkaji bagaimana dan sejauh manakah Malaysia boleh menggunakan sepenuhnya tenaga solar ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya perlu menyentuh satu perkara iaitu muka surat 495, Butiran 1—Bekalan Elektrik Luar Bandar.

DAP memang menyokong sepenuhnya Kerajaan memberi satu peruntukan yang besar untuk menjayakan projek bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Tetapi beberapa perkara perlulah diperhatikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak disedari apa yang telah berlaku baik di kawasan Keluang Johor atau negeri Melaka. Sungguhpun inilah tujuan Kerajaan mahu mengelektrifikasikan seluruh kawasan bandar dapat menikmati perkhidmatan bekalan elektrik tetapi kadang-kadang berlaku diskriminasi kawasan. Kalaulah kawasan ini terdiri daripada kawasan pembangkang projek-projek pembangunan bekalan elektrik ini selalu dilambat-lambatkan.

Saya boleh memberi contoh yang sangat baik umpamanya di Jalan Yap Tau Sa, dalam kawasan Keluang, walaupun sebuah kawasan industri diadakan di sana tetapi mereka tidak dapat bekalan elektrik sehingga keseluruhan projek industri ini tidak dapat dijalankan. Adakah kerana kawasan ini merupakan kawasan DAP maka projek perlu ditangguhkan? Dan juga perkara ini berlaku di Melaka.

Sebelum pilihanraya tahun 1978 tiang-tiang lampu semua didirikan atau ditetak di tepi-tepi jalan di kampung-kampung. Selepas pilihanraya tiang-tiang masih terletak di sana berbulan-bulan kita terpaksa mengambil tindakan melaporkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri. Juga di kawasan saya hanya disebelah sahaja kawasan Barisan Nasional, kawasan saya Tengkeria iaitu kawasan negeri. Saya sudah minta, lima tahun dapat bekalan elektrik. Saya lebih awal minta projek dari Bukit Rambai tetapi di Bukit Rambai tidak sampai sebulan semua kawasan dibekalkan bekalan elektrik, saya bukan menentang LLN memberikan projek elektrik ke kawasan itu tetapi apa sebab berlakunya diskriminasi kawasan. Ini mungkin kerja-kerja Kerajaan Negeri yang berkenaan, tetapi tidak disedari oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu jaminan bahawa projek bekalan elektrik luar bandar ataupun bandar tidak dijalankan mengikut kawasan; sekiranya Barisan Nasional maka dicepatkan, kalau kawasan DAP ataupun Pembangkang dilambatkan ataupun dibatalkan. Inilah perkara-perkara yang sangat-sangat menyakitkan hati rakyat Malaysia yang mempercayai sistem demokrasi berparlimen.

Saya harap perkara ini boleh mendapat perhatian berat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga saya harap satu jaminan boleh diberikan bahawa diskriminasi ini boleh diberhentikan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Panti.

5.01 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian sedikit dan dengan ringkas ingin menyentuh perkara P. 61 Butiran (Projek) (1)—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak soalkan di sini ialah berhubung dengan bekalan elektrik luar bandar ini dan peruntukan yang ada sekarang nampaknya sebanyak \$82,464,356.00.

Saya harap dengan peruntukan yang baru ini akan banyakkah kampung-kampung baru di luar-luar bandar akan dapat bekalan elektrik. Di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri masih lagi banyak yang dahulunya Majlis-majlis Tempatan memang tidak ada bekalan elektrik tetapi pada hari ini telah diserapkan ke dalam Majlis Daerah. Mereka belum juga mendapat bekalan api elektrik dan apabila perkara ini ditanya kepada Pengarah Tempatan ataupun Daerah mereka mengatakan tidak ekonomik untuk menarik wayar elektrik ini kerana terlalu jauh kedudukan Majlis-majlis Tempatan ini.

Jadi di sini saya sukalah mencadangkan kalau agak banyak belanjanya untuk menarik wayar elektrik ini daripada tempat yang ada, saya cadangkan enjin elektrik (sub-station) di dalam kawasan-kawasan Majlis Tempatan ini kerana dengan cara ini saya percaya tidaklah berapa banyak belanjanya kerana sebagai contoh sudah ada satu yang dulunya Majlis Tempatan yang bernama kalau tidak silap saya berhampiran dengan bandar Kota Tinggi iaitu bernama Teluk Sengat. Teluk Sengat ini ialah satu kawasan yang jauh dengan bandar dan memang tidak ekonomiklah kalau wayar elektrik di bandar Kota Tinggi itu ditarik ke Teluk Sengat. Tetapi dengan adanya sistem sub-station yang dibekalkan di situ dapatlah penduduk-penduduk tempatan itu menikmati api elektrik.

Berhubung dengan penduduk kampung yang lain daripada Teluk Sengat, mereka itu iri hatilah kerana apa, satu tempat sahaja dapat bekalan seumpama ini dan tempat mereka tidak dapat. Jadi saya harap dengan peruntukan yang banyak dipohon ini akan dapatlah dibekalkan ke tempat itu.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, kawasan pilihanraya saya berbeza sedikit agaknya dengan kawasan-kawasan yang lain kerana kawasan pilihanraya saya 3/4 daripadanya berhampiran dengan Kerajaan asing iaitu Kerajaan Singapura yang mana rakyat lebih mudah pergi ke Singapura daripada pergi ke Johor Bahru ataupun Kota Tinggi. Jadi dengan sebab itu mentality rakyat di sini mereka sentiasa memandang seberang sahaja, mereka kata semua bagus, rumah ada api dan sebagainya. Tetapi mereka tidak faham negeri yang dimaksudkan itu kecil, berbanding dengan negara kita. Tetapi walau bagaimanapun sebagai rakyat yang pada hari ini boleh dikatakan penyokong-penyokong Kerajaan kebanyakannya dan hampir keseluruhannya adalah terdiri daripada rakyat luar bandar berbanding dengan rakyat-rakyat dalam bandar. Saya berani menyatakan banyak rakyat-rakyat di dalam bandar bukan sahaja tidak mahu menyokong Kerajaan bahkan membangkang Kerajaan. Hari ini umpamanya ada wakil-wakil daripada Pembangkang ini merayu meminta supaya kawasan mereka diadakan bekalan elektrik. Tetapi di dalam masa kempen pilihanraya seumpamanya, mereka sanggup berjanji dengan pengundi kalau partinya menang dia hendak buat apa sahaja, dia boleh buat. Ini sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab saya pun hendak mengulas sedikit, Tuan Pengerusi, beginilah cara Parti Pembangkang, mereka sanggup berjanji kalau mereka menang mereka akan buat apa sahaja, tetapi sekarang mereka sudahpun menang tetapi mereka tidak boleh buat. Tetapi tidak semuanya rakyat boleh ditipu. Oleh sebab itulah akhir-akhir ini hanya beberapa kawasan sahaja lagi yang dapat dikuasai oleh pihak Pembangkang, ini sebab rahsia mereka sudah terdedah, sebenarnya mereka tidak ada kuasa walaupun mereka menang dalam pilihanraya, mereka tidak ada kemampuan untuk . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini apa ada kenamengena dengan hendak bekalan elektrik luar bandar?

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Sebab luar bandar, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya katakan tadi, penyokong-penyokong Kerajaan kita harap ini adalah kebanyakan boleh dikatakan penduduk-penduduk luar bandar adalah terdiri daripada penyokong-penyokong Kerajaan jika dibandingkan dengan setengah-setengah penduduk dalam bandar. Jadi tidak lojikhlah atau tidak wajarlah kalau penyokong-penyokong Kerajaan kita biarkan ataupun kita tinggalkan.

Tuan Pengerusi, agaknya dengan sebab itulah saya percaya dengan desakan pihak-pihak tertentu umpamanya macam Wakil-wakil Rakyat, ahli-ahli politik, jadi banyaklah kawasan-kawasan luar bandar ini yang dimasukkan bekalan api elektrik tetapi saya dukacita sedikit pada masa-masa yang lalu banyak di antara kawasan-kawasan luar bandar ini dimasukkan api dengan tidak ada pengkajian yang begitu teliti. Ini menyebabkan pada hari ini di kampung-kampung yang jauh dari bandar telahpun mendapat bekalan api elektrik tetapi mereka baru dapat menikmati bekalan elektrik bila sudah hampir tengah malam. Sebab bila tengah malam itu orang sudah tidak banyak menggunakan api elektrik, umpamanya pukul 10.00 malam ke atas kalau mereka tengok TV barulah terang gambarnya. Kalau daripada pukul 5.00 petang itu "kain batik" akan keluar sebab kekuatan api tidak cukup.

Dengan sebab itu saya sukalah mencadangkan sebagaimana yang saya difahamkan untuk menguatkan kuasa api ini didirikan sub-station; di antara kampung dengan kampung bagi menarik api ini supaya kuat capacity ataupun tenaganya untuk membolehkan rakyat yang jauh di luar bandar menikmati api elektrik ini daripada awal lagi, bukanlah daripada tengah malam!

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh dalam ucapannya akan membekalkan kalau tidak silap saya \$30 juta untuk kawasan luar bandar dikhususkan kepada FELDA. Oleh sebab di Johor selain daripada negeri Pahang yang terlalu banyak kawasan FELDA terutama sekali kawasan pilihanraya saya, saya harap ini akan dapat perhatian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab pada hari ini pihak peneroka-peneroka FELDA sudah sampai ketaraf mampu untuk membayar bil-bil elektrik. Sehingga ada di antara peneroka-peneroka ini yang berkongsi

di antara satu blok dengan satu blok berkongsi membeli generator sendiri. Tetapi ini apabila saya perhatikan amat membahayakan kerana mereka membeli generator dan memasangnya sendiri tanpa ada nasihat daripada pihak LLN. Mereka membuat sendiri. Kayu yang dipacakkan jadi tiang ini apa yang dapat sahaja. Bukan ada kayu-kayu yang tertentu sebagaimana yang disyaratkan oleh pihak LLN. Kalau ini kita tidak perhatikan, akan membahayakan kepada mereka dan akan membahayakan juga anak-anak mereka sendiri, takut-takut tersentuh karan dan sebagainya.

Dengan sebab itu saya harap walaupun tahun hadapan ini tidak kesemua rakyat di kawasan FELDA dapat dibekalkan api elektrik tetapi kalau sebahagian daripadanya, saya harap bekalan ini akan dapat jua disalurkan ke bahagian daerah pilihanraya saya dibahagian Panti, Kota Tinggi kerana rancangan yang berhampiran dengan FELDA iaitu Johor Tenggara dan SEDC.

Rancangan Johor Tenggara mendapat bekalan elektrik lebih awal lagi, sudah tiga empat tahun yang lepas mereka telah menikmati rancangan api elektrik, tetapi pihak FELDA yang berhampiran di situ belum dapat lagi. Perkara ini telah juga saya suarakan pada tahun lalu dalam Belanjawan tahun lalu, tetapi agaknya dengan sebab Belanjawan tahun ini begitu banyak diperuntukkan, saya harap Belanjawan tahun akan datang akan dapat dibekalkan dalam kawasan saya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dengan ringkas sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup untuk Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Gerik, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

5.12 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian ini, sukalah saya menyentuh P. 61 Butiran I—Bekalan Elektrik Luar Bandar yang mana diberi peruntukan berjumlah \$82.464.356.

Dalam sidang Parlimen tahun sudah, saya telahpun membangkitkan berkenaan dengan ketidak seimbangannya kemudahan-kemudahan asas yang telah diberikan kepada penduduk-penduduk di kawasan saya yang mana kesemua bandar-bandar kecil dan Kampung-kampung Baru dibekalkan dengan api elektrik, tetapi kampung-kampung Melayu masih tidak mendapat bekalan api dan hanya 10% sahaja di antara mereka yang merasai nikmat ini. Dalam pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang baharu-baharu ini, pihak PAS juga telah membangkit-membangkitkan isu kelambatan pembekalan api elektrik luar bandar. Sungguhpun tohmah-tohmah PAS ini dan juga fitnah-fitnah dari DAP yang mana baharu-baharu ini kita dengar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa Kerajaan telah mendiskriminasikan dalam pembahagian api elektrik, tetapi beliau tidak sedar bahawa 100% penduduk-penduduk di Sarawak yang mana dalam pilihanraya baharu-baharu ini telah menyokong Kerajaan tetapi bolehkah kita bandingkan bekalan api elektrik di Sarawak dengan bekalan api elektrik di Kota Melaka. 100% penduduk-penduduk di Trengganu menyokong Kerajaan Barisan Nasional, tetapi bolehkah kita bandingkan bekalan api elektrik di Trengganu dengan yang ada di Kota Melaka. Penduduk-penduduk di kawasan Gerik juga adalah penyokong Barisan Nasional, tetapi hari ini masih ramai lagi penduduk-penduduk di Gerik yang tidak ada bekalan api elektrik dan juga bekalan air jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di Kota Melaka.

Fitnah-fitnah DAP telah ditolak bulat-bulat bukan sahaja oleh penduduk-penduduk di Sarawak, penduduk-penduduk di Trengganu dan juga pengundi-pengundi di Gerik, tetapi tohmah-tohmah ini telah ditolak bulat-bulat oleh pengundi-pengundi di Pelabuhan Kelang baharu-baharu ini.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk menerangkan kemajuan bekalan elektrik luar bandar di kawasan saya, semoga dengan ini pihak PAS yang sentiasa menonjol-menonjolkan perjuangan kerohanian mengatasi perjuangan materilisma kecuali dalam musim pilihanraya di mana mereka mengungkit-ungkit berkenaan dengan projek yang belum dilaksanakan oleh Kerajaan, ketiadaan api elektrik, bekalan air, jalan tar, dewan, klinik bergerak dan berbagai-bagai lagi dibangkitkan. Saya berharap dengan penerangan saya

ini mereka akan menginsafi fitnah-fitnah yang mereka taburi itu sebenarnya fitnah dan tohmah-tohmah itu ditaburi sebagai merajuk kepada masa keemasan yang silam, masa yang mana Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mereka juga boleh meluluskan peruntukan pembangunan dan sebagainya. Sebenarnya tohmah dan fitnah yang mereka taburi itu timbul daripada rintihan kalbu dan impian semata-mata, impian kepada masa keemasan yang silam.

Tuan Pengerusi, bagi pihak penduduk-penduduk di luar bandar di kawasan saya, ingin saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi begitu banyak peruntukan sehingga di kawasan saya jikalau dahulu sebelum tahun 1978 cuma 10% sahaja orang-orang Melayu dapat menikmati bekalan api elektrik, tetapi dalam tahun ini dan, Insha Allah, dalam tahun 1980 peratus ini akan meningkat kepada angka 40%. Kejayaan Kerajaan mempertingkatkan peratus penduduk yang dapat dibekalkan dengan api elektrik dalam masa yang begitu singkat adalah satu perkara yang sungguh membangga dan mengkagumkan penduduk-penduduk di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh P. 63, Butiran 1—Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pejabat Pos yang ada di Keroh. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum pekan Keroh berada di sempadan di antara Malaysia dengan Thai dan Pejabat Pos di Keroh ini bukan sahaja digunakan oleh penduduk-penduduk Malaysia di Keroh tetapi juga oleh penduduk-penduduk Thai yang tinggal di Betong. Dan sebagaimana kita ketahui bukan sahaja orang-orang awam menggunakan Pejabat Pos di Keroh tetapi kita juga mempunyai lebih kurang dua, tiga batalion askar dan juga dua batalion Field Force Senoi Praak bertempat di Keroh, maka sudah tentulah Pejabat Pos Keroh ini digunakan dengan sebegitu banyak sekali oleh penduduk-penduduk tempatan dan juga penduduk-penduduk Thai. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, bangunan Pejabat Pos Keroh ini boleh digunakan lagi tetapi saya inginlah menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjaga imej dan nama baik negara, bukanlah untuk kepentingan penduduk-penduduk tempatan, tetapi untuk menjaga imej

negara, saya merayulah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya Pejabat Pos di Keroh ini dapat kita perbaharukan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh P. 61, Butiran 8—Projek Haidro-Elektrik Kenering dan Bersia. Bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan Gerik, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memilih kawasan Kenering dalam Parlimen Gerik untuk dijadikan projek Ampangan Kenering dan Bersia. Kalau dahulu penduduk-penduduk di kawasan ini pergi melintasi sungai di kampung mereka hanyalah dengan menggunakan titi gantung tetapi hari ini berkata adanya projek Haidro-Elektrik Kenering maka penduduk-penduduk di Kuala Kenering hari ini boleh menggunakan jambatan yang telah dibina oleh pihak L.L.N. Dan hari ini dalam masa memohon peruntukan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Projek Ampang Kenering akan dapat disiapkan selewat-lewatnya pada tahun 1983. Jadi bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan Kenering yang mana kawasan kebun getah mereka akan ditenggelami air apabila ampangan ini siap kelak, saya mohonlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga kepada Kementerian supaya dapat menyediakan ataupun mempercepatkan perediaan-persediaan perpindahan penduduk-penduduk ini kepada satu kawasan kebun yang lain.

Saya juga sedia maklum perkara ini bukan hanyalah terletak kepada pihak Kementerian tetapi saya inginlah mengesyorkan supaya pihak Kementerian mengambil satu daya inisiatif untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri supaya kebun-kebun mereka ini dapat disediakan dengan kerjasama daripada pihak RISDA. Kerana jika air ini telah melimpahi dan air ini juga telah dapat menenggelamkan kebun-kebun mereka, maka saya percaya penduduk-penduduk ini akan berada dalam kesempitan hidup. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya juga dengan adanya ampangan ini di Kenering maka sudah tentulah penduduk-penduduk yang berupaya bekerja dengan pihak LLN akan dapat diambil bekerja. Jikalau tidak ada di dalam rancangan pihak Kementerian, saya ingin mengesyorkan supaya keutamaan diberi kepada penduduk-penduduk tempatan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya inginlah menyokong peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.20 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya sukacita menyokong permohonan yang dibuat oleh Kementerian ini, di samping itu saya sukacita mengambil bahagian serba sedikit bercakap dalam perkara P. 61, Butiran (1)—Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tidak siapa pun dapat menafikan dalam negara ini, Tuan Pengerusi, bahawa tindakan dan usaha yang gigih daripada Lembaga Letrik Negara telah membekalkan api dan tenaga ke kawasan-kawasan luar bandar dengan begitu menyeluruh dan banyak sekali jika dibandingkan dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimanapun, ada jugalah terdapat sedikit-sedikit kelemahan, iaitu ada di antara tiang-tiang elektrik telah dipacak memakan masa hingga satu tahun hingga rumput telah memanjat sampai ke hujung tiang tetapi wayar ataupun talian tidak dapat disambung kerana perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan pemborong-pemborong yang menjalankan kerja itu. Ada beberapa kawasan termasuk kawasan Tanjong Karang dua tiga kali tender dibuat dalam satu kerja kerana pemborong-pemborong ini lari dan inilah juga mungkin tidak dapat difahami oleh Wakil dari Kota Melaka tadi yang mengatakan kampung menyokong mereka tidak dapat bekalan elektrik. Ini adalah satu bukti yang menunjukkan Wakil DAP ini kurang pengetahuan di dalam pentadbiran negara ini.

Di samping itu, untuk perkara ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang supaya tidaklah tiang-tiang yang dipacak itu hingga memakan bertahun baru dapat disambung talian yang berkenaan, maka Jawatankuasa Tender Lembaga Letrik Negara ini hendaklah dengan hati-hati, dengan teliti dan mengawasi betul-betul pemborong-pemborong yang ingin mengambil kerja bagi melaksanakan rancangan Lembaga Letrik Negara ini dan pemborong-pemborong yang tidak mempunyai tenaga dan kemampuan jika diberi mereka menjalankan kerja-kerja

ini, inilah yang menyebabkan Lembaga Letrik Negara dituduh dan Kementerian ini dianggap lemah dalam perkara ini. Oleh itu Jawatankuasa Tender Lembaga Letrik Negara ini lagi sekali saya berseru supaya berhati-hati dan teliti dengan serapi-rapinya agar kerja-kerja mereka dapat berjalan sebagaimana yang dirancangkan oleh Lembaga Letrik Negara ini

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, elektrik di luar bandar ini selalu benar putus bekalan api dan kadangkala 2-3 hari baru dapat diperbaiki dan barulah dapat api dibekalkan semula. Perkara ini terdapat kerana kekurangan kakitangan-kakitangan yang menjalankan tugas di kawasan-kawasan luar bandar itu. Oleh itu perkara ini ada hubungannya dengan B. 61, Butiran 1300—Tambahan Kos Kakitangan. Saya sangat menyokong supaya Lembaga Letrik Negara ini menambah lagi kakitangan dengan seberapa banyak dan melengkapkan tempat-tempat mereka tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan juga pusat-pusat perkhidmatan Lembaga Letrik Negara ini ditambah lagi dari semasa ke semasa supaya kerja-kerja memperbaiki bekalan elektrik di luar bandar ini tidak selalu terganggu.

Perkara yang paling merunsingkan, Tuan Pengerusi, sekiranya bekalan elektrik ini yang dibekalkan ke hospital-hospital ataupun ke klinik-klinik yang mana tenaga elektrik sangat diperlukan di tempat-tempat yang berkenaan bagi merawat pesakit-pesakit, kadang-kadang rawatan sedang berjalan, bekalan elektrik terputus. Ini adalah satu perkara yang sangat diberi perhatian oleh rakyat di luar bandar.

Selain daripada itu, saya sukacita bercakap sedikit bahagian B. 63, Butiran 1300—Tambahan Kos dan Kakitangan, iaitu mengenai dengan Jabatan Pos. Pada masa ini Pejabat-pejabat Pos di kawasan-kawasan luar bandar tidak begitu banyak bertambah jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Dengan sebab itulah dalam kawasan Parlimen Tanjong Karang daripada pekan Sekinchan sehingga ke Sungai Besar hampir 20 batu hanya ada satu sahaja Pejabat Pos, oleh itu sesuai benarlah di kawasan-kawasan luar bandar ini ditambah lagi Pejabat Pos. Sudahlah begitu, kakitangan di Pejabat Pos yang berkenaan itu pula tidak mencukupi, mereka juga terpaksa menerima bayaran-bayaran elektrik dan berbagai-bagai urusan

dibuat oleh mereka. Oleh itu P. 63, Butiran (1)—Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman ini hendaklah dengan seberapa banyak ditambah dari semasa ke semasa supaya perkhidmatan pos di luar bandar ini dapat berjalan dengan sempurna sebagaimana yang dirancangkan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

5.25 ptg.

**Dato' Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada barisan bangku belakang Kerajaan yang telah memberi sokongan yang hebat terhadap kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian ini sehingga saya rasa tidak perlulah saya menjawab kritikan-kritik dan tuduhan-tuduhan daripada parti Pembangkang, kerana saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti penyokong Kerajaan adalah mewakili sebahagian besar rakyat di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan perkara mengenai bekalan elektrik ke kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan. Saya memang sedar bahawa terdapat kesulitan bagi kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan untuk mendapatkan bekalan elektrik, oleh sebab itulah maka Kementerian ini telah menghubungi Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab mengenai kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan semoga satu dasar baru oleh digubal untuk memberi bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan setinggan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa persetujuan telahpun dicapai di antara kedua-dua Kementerian ini supaya bekalan elektrik ke kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan dianggap sama sebagai kawasan-kawasan luar bandar, iaitu dengan erti kata bahawa kawasan-kawasan setinggan ini tidak

payah memberi sumbangan pengguna terhadap perbelanjaan memberi bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan mereka. Dengan adanya dasar baru ini maka saya percaya bahawa rancangan untuk memberi bekalan elektrik ke kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan akan dapat ditingkatkan lagi dan pada masa ini pihak Kerajaan sedang menimbang untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$3 juta bagi bekalan elektrik di kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan. Dalam melaksanakan dasar baru ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan telah menetapkan bahawa kuasa kelulusan bagi sesuatu rancangan bekalan elektrik bagi kampung-kampung setinggan di Wilayah Persekutuan ini adalah di dalam bidangkuasa Kementerian Wilayah Persekutuan, kerana merekalah yang lebih arif tentang perkara dan masalah-masalah setinggan ini dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, khususnya Lembaga Letrik Negara akan merupakan badan pelaksanaan dasar baru ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang kemungkinan Wilayah Persekutuan ini menjadi satu Pusat Kewangan Antarabangsa. Ini adalah satu kemungkinan yang telahpun diambil perhatian oleh Kementerian saya, lebih-lebih lagi dengan adanya cadangan untuk mewujudkan Pusat Barangan Utama di Kuala Lumpur yang mana Rang Undang-undangnya akan dibahaskan dalam sidang ini.

Pada masa ini Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telahpun mengambil inisiatif untuk mengeluarkan satu tender yang mana sebanyak sembilan buah syarikat-syarikat antarabangsa yang terkenal telahpun mengambil bahagian untuk membekal alat-alat ibusawat yang moden yang menggunakan komputer. Saya percaya bahawa apabila rancangan mewujudkan ibusawat yang moden ini dijalankan kelak maka kawasan Wilayah Persekutuan dan juga kawasan-kawasan yang lain di seluruh negara kita akan memperolehi sistem perhubungan yang paling moden sekali di dalam dunia ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh tentang kenaikan FCVC yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa sebenarnya Lembaga Letrik Negara bukanlah merupakan sebuah badan yang menjalankan kegiatannya mengikut prinsip-prinsip perniagaan. Pada hakikatnya Lembaga Letrik Negara adalah sebuah badan berkanun yang menerima bantuan kewangan yang besar daripada pihak Kerajaan bagi menutupi jurang kewangan yang dihadapi akibat kenaikan harga minyak yang dialami pada tahun-tahun yang lalu dan sukalah saya menyatakan bahawa baru-baru ini pihak Kerajaan telahpun meluluskan bantuan-bantuan kewangan kepada Lembaga Letrik Negara dengan tujuan bahawa Lembaga Letrik Negara tidak menaikkan kadar tarifnya dengan kadar yang lebih tinggi daripada kadar yang telahpun dinaikkan baru-baru ini. Dan di bawah bantuan kewangan tersebut satu bantuan sebanyak \$586.3 juta telah diluluskan oleh Kerajaan kepada Lembaga Letrik Negara dalam bentuk pengecualian daripada cukai duti bahan api, duti import, cukai jualan dan cukai tambahan dan juga pelepasan daripada cukai pendapatan dan cukai pembangunan. Jumlah \$586.3 juta tersebut adalah merupakan jumlah yang diperhitungkan oleh Kerajaan yang akan menerima kekurangan pendapatan akibat pengecualian cukai yang saya telah sebutkan sebentar tadi.

Selain daripada itu juga sebagai bantuan kewangan kepada Lembaga Letrik Negara untuk menghadapi kos pembangunan yang semakin besar, pihak Kerajaan telah menetapkan bahawa pada tahun yang akan datang bagi melaksanakan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar, kita tidak akan lagi menggunakan nisbah 2/3 disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan 1/3 oleh Lembaga Letrik Negara, tetapi mulai pada tahun hadapan 100% kos modal Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan adalah dijangka bahawa jumlah yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$125 juta sehingga pada tahun 1984 dan 1985.

Selain daripada itu, Kerajaan juga akan mengeluarkan subsidi kepada Lembaga Letrik Negara bagi menampung kerugian stesyen-stesyen disel di kawasan-kawasan luar bandar yang membekalkan elektrik 12 jam dan jumlah yang dianggar akan ditanggung oleh Kerajaan ialah sebanyak \$100 juta untuk enam tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, daripada keterangan yang saya telah beri tadi maka jelaslah pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi bantuan kewangan yang besar supaya Lembaga Letrik Negara tidak akan menaikkan kadar tarifnya kepada paras yang lebih tinggi.

Kenaikan yang telah diumumkan baru-baru ini terpaksa dibuat oleh pihak Kerajaan oleh kerana memandangkan bahawa kadar kenaikan harga minyak yang telah diumumkan oleh pihak OPEC adalah merupakan kadar kenaikan yang paling tinggi yang sukar hendak ditanggung oleh pihak Kerajaan semata-mata dengan bantuan kewangan dalam bentuk subsidi kepada pihak Lembaga Letrik Negara.

Selain daripada itu, kita perlu sedar juga bahawa tenaga adalah merupakan satu bahan yang kian bertambah mahal pada masa-masa akan datang. Oleh sebab itulah jikalau kita tidak menaikkan kos FCVC yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini kita boleh memberi anggapan di kalangan para pengguna di dalam negara ini bahawa bahan tenaga bagi negara kita adalah merupakan bahan tenaga yang masih murah lagi. Ini merupakan satu anggapan yang tidak realistik dan boleh mengakibatkan para pengguna kita tidak menggunakan bahan tenaga dengan cara yang boleh menjimatkan penggunaan bahan tenaga yang sangat penting kepada negara ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyatakan bahawa negara ini adalah merupakan negara yang mengeksport minyak dan jumlah yang dieksport itu boleh dikatakan pukulrata dua kali ganda daripada jumlah minyak yang kita import daripada negara-negara luar. Oleh sebab itulah beliau mengesyorkan supaya Kerajaan menanggung segala kenaikan yang akan diumumkan oleh pihak OPEC.

Saya suka menyatakan bahawa segala keuntungan yang datangnya daripada eksport minyak negara kita terpaksa kita perhitungkan bukan daripada segi hendak menampung kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh pihak OPEC tetapi perlu dihitungkan daripada segi keperluan negara kita pada keseluruhannya. Barangkali ada sektor-sektor lain seperti sektor pertanian yang memerlukan bantuan yang lebih banyak memandangkan bahawa para petani kita adalah merupakan golongan yang paling

misalnya di dalam negara kita. Oleh sebab itulah segala faedah dan keuntungan kewangan yang diperolehi daripada eksport minyak negara kita perlulah kita tentukan keutamaannya daripada segi kepentingan negara kita pada keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh tentang ketidak seimbangan kelulusan projek elektrik di dalam kawasan beliau.

Suka saya menyatakan bahawa pada masa-masa yang akan datang Kementerian saya tidak akan membuat keputusan berasaskan semata-mata kepada senarai yang datang daripada Majlis Tindakan Daerah kepada Majlis Tindakan Negeri dan kepada Kementerian untuk mendapat kelulusan tetapi kita akan menambah dua saluran baru iaitu satu saluran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian untuk diberi pertimbangan dan satu lagi saluran ialah berpandu kepada data-data atau base data yang akan dikumpulkan oleh pihak Lembaga Letrik Negara supaya kelulusan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar akan berpandu kepada perkara-perkara teknik yang akan diperhitungkan.

Mengenai saluran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terus kepada Kementerian saya, saya sedar Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telahpun menulis kepada Kementerian saya dan mengemukakan beberapa cadangan projek bekalan elektrik bagi kawasan beliau. Tetapi Kementerian saya tidak dapat meluluskan permintaan beliau serta merta oleh kerana berurusan bagi Rancangan Malaysia Ketiga telahpun kita agihkan bagi seluruh negeri Perak. Walau bagaimanapun saya akan mengambil perhatian supaya dalam kita menimbangkan permohonan-permohonan projek bekalan elektrik bagi Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibuat tidak berapa lama lagi, cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas akan diberi perhatian yang serius.

Data base yang saya telah sebutkan tadi adalah sangat penting dilaksanakan oleh kerana kita dapati bahawa terdapat beberapa kepincangan dalam pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar terutama sekali perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas itu iaitu kadangkala terdapat talian di atas melalui beberapa buah

kampung dan baru-baru ini talian dalam tanah pula melalui kampung-kampung tersebut, tetapi kampung tersebut tidak diberi bekalan elektrik. Ini adalah disebabkan bahawa kita tidak memperhitungkan kelulusan bekalan letrik luar bandar mengikut soal-soal teknik tetapi selama ini berpandukan semata-mata kepada senarai yang datangnya daripada Majlis Tindakan Negeri. Jadi walaupun talian atas telahpun didirikan oleh pihak LLN dan telahpun disempurnakan tetapi oleh kerana senarai kampung-kampung tersebut tidak didapati dalam senarai yang diterima oleh Kementerian daripada Majlis Tindakan Negeri, maka kampung-kampung tersebut tidak dapat kita luluskan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun saya percaya bahawa dengan wujudnya data base itu, maka perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita atasi pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Julau telah membangkitkan soal bekalan elektrik luar bandar ke negeri Sarawak dan beliau telah mempelawa saya untuk membuat lawatan ke negeri Sarawak.

Saya ucapkan terima kasih tetapi saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masalah bekalan elektrik yang diuraikan dalam ucapan beliau itu sebenarnya merupakan masalah dalam negeri. Kementerian saya hanya memberi bekalan kewangan sahaja kepada pihak SESCO tetapi SESCO adalah bertanggungjawab terus kepada Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu akan menghadapkan perkara-perkara yang disentuh itu kepada pihak yang berkenaan.

Begitu juga dengan cadangannya supaya LLN mewujudkan cawangannya di Sarawak itu saya rasa adalah perkara di luar bidang kuasa Lembaga Letrik Negara pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyentuh tentang kawasan-kawasan Majlis Tempatan yang tidak mendapat bekalan elektrik pada masa ini. Saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini supaya bekalan elektrik pada kawasan-kawasan tersebut akan kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Selain daripada itu juga saya sedar tentang kekurangan tenaga dan gangguan tenaga yang dihadapi oleh kawasan-kawasan luar bandar.

Saya rasa ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh tentang perkara ini iaitu khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Sebenarnya ini adalah masalah talian-talian yang kita buat terpaksa kita tarik agaknya jauh daripada kawasan-kawasan luar bandar dan selalu berlaku hujan dan ribut dan oleh sebab itu pokok-pokok yang menimpa talian-talian tersebut terputus.

Saya ingin menyatakan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara akan mengambil perhatian tentang perkara ini dan saya rasa sukar hendak kita atasi, kerana talian-talian atas adalah agaknya perlu kita buat cara demikian tetapi kita akan tentukan bahawa pasukan-pasukan kita yang menjalankan maintenance terutama sekali di kawasan luar bandar akan dapat kita perbesar dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyentuh tentang soal FELDA. Saya suka menyatakan bahawa peruntukan khas telah diwujudkan oleh Kementerian sebanyak \$30 juta dan pada tahun akan datang sebanyak 20 buah rancangan FELDA di seluruh negara ini akan kita beri bekalan api elektrik.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik telah memuji Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana telah menambah bilangan pengguna-pengguna yang mendapat bekalan elektrik dengan kadar yang agak segera di dalam kawasan beliau, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Mengenai Pejabat Pos Kroh, saya telahpun menyedari tentang perkara ini dan didapati ianya sangat usang dan perlu kita gantikan. Insya Allah Kementerian ini akan mengambil perhatian supaya rancangan penggantian Pejabat Pos Kroh ini akan dapat kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga telah menyentuh tentang dua buah Pejabat Pos yang usang dan agaknya perlu diganti baru dan beliau telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang dahulu telah berjanji pada tahun 1974 untuk meluluskan peruntukan penggantian Pejabat Pos, saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik menyentuh tentang pelaksanaan projek Hidro Kenering dan Bersia dan beliau berharap semoga

Kementerian ini akan mengambil perhatian tentang masalah kawasan pekebun-pekebun kecil yang ditenggelami air. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian ini sedang menjalankan rundingan dengan Kerajaan Negeri khususnya tentang soal pampasan kawasan Temenggor. Dan apabila soal prinsipnya telahpun diselesaikan, maka kita akan gunakan prinsip yang sama bagi kawasan Kenering dan Bersia juga.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan tentang perlunya kita menggubal dasar tenaga bagi negara ini. Sukalah saya menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Jawatankuasa ini sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan kita mengurangkan penggantungan kepada bahan minyak dalam kita mengeluarkan tenaga bagi negara kita ini. Walau bagaimanapun, saya perlu menyatakan bahawa dasar ini adalah merupakan dasar jangka panjang dan penggantungan kita terhadap penggunaan bahan minyak tidak dapat kita elakkan dalam jangka masa yang pendek.

Walaupun bagaimanapun sebagai rancangan-rancangan untuk mengurangkan penggantungan kita terhadap minyak, saya telah menyatakan dalam ucapan saya bahawa Kementerian, khususnya LLN, akan menjalankan projek-projek mini-hydro pada tahun akan datang dan saya telah menyatakan pada tahun akan datang sebanyak 22 buah projek mini-hydro akan dijalankan di seluruh negara ini. Saya suka menambah dengan menyatakan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara bersama-sama dengan consultantnya yang akan dilantik akan mengkaji 102 buah projek mini-hydro sebagai tambahan kepada 22 buah projek yang telahpun kita akan laksanakan pada tahun yang akan datang. Begitu juga tentang soal-soal alternative seperti menggunakan tenaga solar, ini juga dalam perhatian Jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga, tetapi penggunaan kuasa tenaga solar ini masih terhad lagi walaupun di negara-negara yang maju. Tetapi saya rasa yakin bahawa punca tenaga solar ini boleh kita memperluaskan penggunaannya apabila kos menggunakan tenaga solar ini turun oleh sebab kejayaan dalam pengkajian penggunaan tenaga tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang saya tidak sempat menyentuh Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap perkara-perkara tersebut. Pada akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$22,825,900 untuk Maksud B. 61, \$10 untuk Maksud B. 62 dan \$89,745,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$671,562,099 untuk Maksud P. 61, \$584,917,000 untuk Maksud P. 62 dan \$18,960,994 untuk Maksud P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang dengan hormatnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

*Maksud B. 64 (Jadual)—*

*Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan 1980)—*

5.55 ptg.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan bahawa Belanja Mengurus yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 64 berjumlah \$31,191,700 dan Belanja Pembangunan yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 64 berjumlah \$9,294,065 diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kebajikan Am bagi tahun 1980 pada keseluruhannya bertambah sebanyak \$8,389,735 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979. Tambahan yang paling besar berjumlah \$7,772,100 atau 59% lebih daripada peruntukan tahun lepas adalah untuk berbagai jenis bantuan untuk golongan-golongan yang sangat memerlukannya. Dengan tambahan ini, bukan sahaja bilangan penerima telah dapat bertambah, kadar bantuan yang diberi juga telah dinaikkan. Walau bagaimanapun pindaan kadar bantuan adalah dibuat dari masa ke semasa supaya sumbangan yang diberi itu berpatutan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menerangkan sedikit tentang Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1980 berjumlah \$31,191,700 bagi Kementerian saya. Peruntukan ini telah mendapat tambahan sebanyak \$4,046,300 atau 15% dibanding dengan anggaran tahun lalu, kerana bidang tugas Kementerian ini yang semakin luas. Pecahan-pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut.

Di bawah Emolumen (Gaji dan Elaun), peruntukan berjumlah \$13,309,200 adalah bertambah dengan kelebihan sebanyak \$773,650. Tambahan untuk tahun 1980 ialah kerana bayaran gaji dan elaun 77 jawatan baru. Jumlah kakitangan Kementerian saya pada tahun 1980 adalah 2,281 orang. Di dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1980 ada menunjukkan kurang peruntukan bagi beberapa aktiviti jika dibandingkan dengan tahun 1979. Keadaan ini berlaku kerana tertubuhnya aktiviti Perkhidmatan Pemulihan Dadah yang sekarang ini berasingan dari lain-lain aktiviti tidak lagi seperti yang ditunjuk dalam belanjawan masa-masa yang sudah.

Perkhidmatan dan Bekalan (Service and Supplies) telah mendapat peruntukan \$9,146,400 melebihi sebanyak \$219,850 dari peruntukan tahun 1979. Tambahan ini untuk beberapa aktiviti seperti bayaran elaun perjalanan pegawai-pegawai yang makin bertambah dan juga bayaran kepada kakitangan Jabatan yang ditukarkan ke tempat lain. Ada pula setengah aktiviti yang diberi peruntukan yang agak kurang dari tahun 1979, semata-mata kerana menjimatkan wang.

Selain dari itu di bawah Kementerian saya ada beberapa Yayasan-yayasan/Institusi yang memerlukan belanja penyelenggaraan bangunan setiap tahun. Untuk ini diperlukan peruntukan sebanyak \$290,000.

Anggaran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Grants & Fixed Charges), juga mendapat tambahan yang agak besar, melebihi sebanyak \$2,893,000 dari peruntukan tahun 1979. Dari tambahan ini sebanyak lebih daripada \$1 juta diberi kepada skim Bantuan Kanak-kanak Berkeperluan dan dianggarkan kira-kira 15,000 orang kanak-kanak pada tahun 1980 akan menerima bantuan, berbanding dengan 10,700 orang sahaja pada tahun ini. Skim Bantuan kepada Orang-orang Tua juga akan bertambah sebanyak \$1 juta

lagi untuk membantu 6,000 orang tua berbanding dengan 3,800 orang tua pada tahun ini. Kadar bantuan yang diberi juga dinaikkan dari \$37 kepada \$50 sebulan bagi setiap orang tua yang menerimanya.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian saya untuk tahun 1980 ialah berjumlah \$9,294,065 bagi membiayai 22 jenis projek pembangunan fizikal yang sedang dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan.

Bahagian Pemulihan Am memerlukan \$1,083,525 bagi rancangan pembangunan untuk tahun hadapan, termasuk perbelanjaan sebanyak \$233,515 bagi membeli alat-alat kelengkapan untuk Bengkel Daya Kelang khas untuk orang-orang cacat sebanyak \$600,000 sebagai kos persediaan tanah dan pembinaan Bengkel Cacat di Trengganu dan Kedah.

Sebanyak \$250,000 adalah diperlukan untuk kerja-kerja persiapan tapak dan sebagainya bagi pembinaan Pusat Pemulihan Orang Cacat Otopidik Kelantan. Pusat ini apabila siap kelak akan memberi kemudahan latihan dan pemulihan, khasnya kepada orang-orang cacat anggota dewasa.

Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota ini merupakan satu Pusat Pemulihan bagi orang-orang dewasa yang komprehensif yang meliputi latihan sosial dan vokasional. Rancangan-rancangan bagi Pemulihan Orang-orang Cacat dewasa, terutama sekali mereka-mereka yang mengalami kemalangan jalanraya kini kian bertambah disebabkan bertambahnya kemalangan-kemalangan jalanraya dan juga kemalangan-kemalangan yang berlaku dalam industri.

Pada masa ini hanya mempunyai sebuah sahaja Pusat Pemulihan bagi orang-orang cacat di Cheras. Ini ialah untuk mereka yang berumur di antara 6 hingga 25 tahun sahaja. Dengan hal yang demikian, sangatlah perlu bagi Kementerian saya mengadakan perkhidmatan yang serupa bagi mereka yang dewasa.

Tuan Pengerusi, di bawah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak pula sebanyak 8 projek pembangunan akan dijalankan dalam tahun 1980. Empat daripada projek-projek ini adalah di Semenanjung, dua di Sarawak dan dua di Sabah.

Di Semenanjung terdapat 2 buah Sekolah-sekolah Akhlak iaitu di Taiping, Perak dan di Teluk Air Tawar, Seberang Prai, memerlukan pembinaan semula kerana bangunan-bangunannya telah usang dan tidak mencukupi untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pemulihan yang lebih baik. Sekolah Akhlak Taiping memerlukan peruntukan sebanyak \$1,000,000 dan Sekolah Seliian Teluk Air Tawar memerlukan sebanyak \$500,000.

Tambahan rumah-rumah kakitangan dikehendaki bagi Pusat-pusat Perlindungan Wanita dan Gadis Batu Gajah dan Rembau. Bagi tahun 1980 sebanyak \$200,000 adalah diperlukan untuk kedua-dua Pusat ini.

Bagi negeri Sarawak pula sebuah Rumah Tahan-sentara/Asrama Akhlak dan sebuah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis akan dibina untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan pemulihan kepada budak-budak dan wanita dan gadis yang rosak akhlak. Rumah Tahansentara Asrama Akhlak Kuching memerlukan peruntukan sebanyak \$100,000 untuk penyediaan tapak sebelum kerja pembinaan dimulakan. Bagi Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis Miri peruntukan sebanyak \$400,000 adalah diperlukan bagi memulakan projek ini.

Di Sabah sebanyak dua projek akan dijalankan iaitu sebuah Sekolah Akhlak dan sebuah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis. Tujuan mengadakan yayasan-yayasan ini adalah untuk mengadakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan pemulihan budak-budak dan wanita dan gadis yang rosak akhlak di Sabah. Bagi Sekolah Akhlak Kota Kinabalu, memerlukan peruntukan sebanyak \$499,990 sementara Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis pula memerlukan peruntukan sebanyak \$400,000.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan projek pembangunan bagi Perkhidmatan Pemulihan Dadah terdapat empat projek yang akan dijalankan. Bagi Pusat Pemulihan Dadah Muar, kerja pembinaan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 1980. Oleh itu peruntukan sebanyak \$2 juta adalah dipohonkan. Begitu juga Pusat Pemulihan Dadah Sungai Petani dijangka kerja pembinaan akan bermula dalam tahun hadapan yang memerlukan peruntukan sebanyak \$500,000.

Selain dari dua projek baru di atas, Kementerian saya telahpun mengambil tindakan untuk memperluaskan 2 buah Pusat Pemulihan yang sedia ada, iaitu satu di Kuala Kubu Bharu dan satu lagi di Besut. Pembinaan bangunan tambahan di Kuala Kubu Bharu memerlukan \$1 juta pada tahun 1980 untuk melengkapkan Pusat tersebut menjadi satu Pusat Pemulihan yang komprehensif untuk menampung 300 orang penghuni. Bagi Pusat Pemulihan Dadah di Besut yang sekarang ini hanya boleh memuatkan 130 orang penghuni akan diperluaskan lagi dengan tambahan 4 buah wad dan rumah kakitangan untuk membolehkan Pusat Pemulihan ini dapat menampung 300 orang penghuni lagi. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 1980. Oleh yang demikian peruntukan sebanyak \$800,000 adalah dipohonkan.

Tuan Pengerusi, latihan kakitangan adalah satu-satu aktiviti yang mustahak bagi menjaga dan meninggikan mutu kecekapan kakitangan Kementerian saya. Oleh yang demikian Kementerian saya telah merancang sebuah Pusat Latihan Kakitangan dibina di atas sekeping tanah yang berhampiran dengan Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Tetapi projek ini telah terbengkalai kerana Kerajaan telah mengambil balik sebahagian daripada tanah tersebut untuk memperluaskan Jalan Syed Putra. Dengan hal yang demikian, saya memohon peruntukan tanda \$10 bagi tahun 1980 supaya membolehkan Kementerian saya mendapatkan tanah yang lain untuk melaksanakan Pusat Latihan Kakitangan yang telah dirancangan itu.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa sebuah Rumah Orang Tua Sibu di Sarawak sedang dibina dengan menelan belanja berjumlah \$1.5 juta bagi menampung 200 orang penghuni. Pembinaan bangunan bagi peringkat pertama akan siap pada penghujung tahun ini. Sementara pembinaan bangunan bagi peringkat terakhir pula dijangka akan siap pada penghujung tahun 1980 dengan memerlukan perbelanjaan sebanyak \$560,000.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian ini bukanlah tertumpu semata-mata pada rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian sahaja tetapi menerusi sumbangan

wang serta dorongan dari Kementerian ini, pertubuhan-pertubuhan sukarela digalakkan menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk kebajikan. Peruntukan wang yang akan diberi kepada badan-badan sukarela dalam tahun 1980 adalah sebanyak \$947,100 untuk sebanyak 167 buah pertubuhan sukarela. Melalui sumbangan seperti ini Kementerian saya berharap semoga mutu perkhidmatan yang diberi oleh badan-badan ini akan menjadi bertambah baik lagi.

Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan peruntukan di bawah Kepala B.64 berjumlah \$31,191,700 dan Belanja Pembangunan di bawah Kepala P.64 sebanyak \$9,294,065 diluluskan oleh Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 64 dan Kepala Pembangunan P. 64 di bawah Kementerian Kebajikan Am sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.07 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap secara ringkasnya terhadap anggaran Belanja Mengurus dan anggaran Belanja Pembangunan yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan rasa kesal oleh kerana Kementerian Kebajikan Am hanya diperuntukkan sebanyak \$40.4 juta sahaja untuk tahun depan; dan daripada jumlah ini lebih kurang \$31.1 juta ialah untuk belanja mengurus dan sebanyak \$9.2 juta untuk belanja pembangunan.

Memandangkan kepada peruntukan-peruntukan ini, saya dengan dukacitanya dan tidak ragu-ragu menyatakan bahawa Kerajaan, terutamanya Menteri Kewangan kita, tidak memberikan keutamaan kepada kepentingan Kementerian Kebajikan Am dan mengeneipkan kenyataan bahawa Kementerian ini harus memberikan perkhidmatan yang lebih kepada orang-orang miskin dan mereka yang tidak bernasib baik dalam masyarakat kita. Dan memberikan perkhidmatan yang lebih akan secara otomatis bermakna banyak wang dan tenaga dikehendaki untuk melaksanakan berbagai tugas dalam Kementerian.

Memandangkan kepada kenyataan bahawa Kementerian Kebajikan Am harus memainkan satu peranan yang sungguh penting dan diperlukan untuk menolong orang-orang miskin dan mereka yang tidak bernasib baik dalam masyarakat kita, Kementerian patutlah diperuntukkan sebanyak dua kali ganda daripada peruntukan yang ada sekarang supaya lebih banyak wang dan tenaga boleh digunakan untuk membantu melaksanakan berbagai-bagai tugas Kementerian itu.

Tidak ada gunanya bercakap mengenai bantuan kebajikan untuk orang-orang miskin dan golongan yang kurang bernasib baik dalam negara sedangkan Kementerian tidak berupaya untuk mendapatkan tenaga pekerja dan kewangan bagi melaksanakan tugas-tugasnya. Saya menyeru kakitangan-kakitangan Perbendaharaan dalam Kementerian Kewangan tidak menganggap atau melayan Kementerian Kebajikan Am sebagai seorang anak tiri dan memberikan layanan yang tidak memuaskan ataupun dalam bahasa Inggerisnya "is given Cinderella treatment" sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Aktiviti 1 (2)—Perkhidmatan Pencegahan dan (4)—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, muka surat 509.

Sebagai seorang Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin menyentuh Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan. Sebagai seorang yang sentiasa berkait rapat dengan masalah orang-orang miskin dan golongan yang kurang bernasib baik dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin melahirkan rasa penghargaan saya kepada Pengarah dan kakitangan-kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan kerana dedikasi mereka terhadap kerja mereka dan kerjasama dan bantuan yang dihulurkan kepada saya dalam bentuk kerjasama memberikan bantuan kebajikan kepada orang-orang miskin.

Bagaimana pun, yang mendukacitakan saya ialah bahawa sehingga dan sekurang-kurangnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan diberikan lebih banyak kakitangan dan kewangan untuk menampung beban kerja yang kian bertambah, selama itu ia tidak akan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat khususnya orang-orang yang miskin.

Wilayah Persekutuan dipenuhi dengan berbagai masalah pada hari ini. Sebagai satu tempat yang sedang membangun dan memandangkan penghijrahan dari kampung ke bandar, Wilayah Persekutuan mempunyai beberapa masalah sosio-ekonomi yang besar, di antaranya penagihan dadah, keruntuhan akhlak, kanak-kanak cacat, hinggalah kepada bantuan kebajikan untuk banjir, untuk mangsa kebakaran, begitu juga bantuan persekolahan.

Masalah-masalah ini tidak boleh diselesaikan dengan tenaga pekerja yang kurang dan ini ialah satu perkara yang ingin saya menitikberatkan untuk menarik perhatian kakitangan dalam Perbendaharaan. Tenaga pekerja yang ramai adalah diperlukan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan oleh saya tadi, tetapi malangnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan tidak mempunyai tenaga pekerja yang cukup.

Mengenai perkara bantuan am, saya suka menggesa pihak Kerajaan supaya mengkaji semula secara menyeluruh tentang kadar bantuan yang digunakan sekarang di Wilayah Persekutuan. Kadar-kadar bantuan yang dibayar oleh Jabatan Kebajikan sekarang adalah tidak realistik.

Sebagai satu contoh, kadar-kadar yang dibayar di bawah bantuan am untuk orang-orang miskin dan mereka yang tidak bernasib baik di Wilayah Persekutuan yang layak untuk mendapat bantuan itu ialah berjumlah \$37.00 sebulan untuk seorang individu dan tidak melebihi \$100 untuk sesuatu keluarga.

Izinkan saya bertanya, apakah yang seseorang dapat lakukan dengan \$37 pada hari ini atau apakah sesuatu keluarga boleh lakukan dengan jumlah \$100 dalam Wilayah Persekutuan yang mana kos hidup adalah amat tinggi.

Saya ingin mencadangkan supaya jumlah ini ditambah sekurang-kurangnya menjadi tiga kali ganda untuk menjadikan bantuan itu benar-benar realistik.

Saya tidak bermaksud untuk mencadangkan supaya kita menjadi Negara Kebajikan tetapi sekurang-kurangnya wang yang dikeluarkan di bawah bantuan am akan realistik

bagi menampung kenaikan kos sara hidup untuk semua mereka yang berada di bawah Sekim Bantuan Am ini.

Kementerian pula tidaklah harus bimbang, jika akan berlaku salah-guna, kerana jabatan mempunyai pegawai yang sentiasa memeriksa sama ada terdapat apa-apa penyalah-gunaan di bawah Sekim Bantuan Am ini. Jika terdapat penyalahgunaan saya percaya bantuan bolehlah dihentikan ataupun ditarik balik.

Tuan Pengerusi, akhirnya, izinkan saya bercakap bahawa negara Malaysia mempunyai satu sistem ekonomi yang kukuh, banyak dengan petro-dollarnya hasil yang diperolehi dari petrolium dan inilah kesempurnaannya bahawa Kementerian Kebajikan Am patut diberikan peruntukan yang lebih supaya orang-orang miskin dan mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita yang merupakan majoriti dalam jumlah penduduk kita akan mendapat faedah yang bermakna. Kalau tidak, percakapan satu masyarakat yang adil dan saksama tidak bermakna kepada mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.16 ptg.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Pengerusi, walaupun hanya seorang sahaja Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mengambil perbincangan, saya tidaklah akan menjawabnya dengan panjang lebar tetapi secara ringkas sahaja.

Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat sungguhpun Kementerian saya tidak mendapat peruntukan yang sangat besar tetapi kita hendaklah ingat bantuan kepada masyarakat bukanlah hanya melalui Kementerian Kebajikan Am sahaja iaitu seperti yang ditegaskan juga oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan beliau pada tahun yang lalu, kalau saya tidak salah, iaitu bagaimana Kerajaan menekankan kebajikan masyarakat tetapi tidaklah maknanya kebajikan masyarakat ini hanya disalurkan kepada Kementerian Kebajikan Am semata-mata. Ini dapat kita lihat bagaimana bantuan-bantuan yang diberi kepada Kementerian Pelajaran misal-

nya, itu adalah sebagai bantuan untuk kebajikan masyarakat juga, iaitu kepada social services—perkhidmatan masyarakat.

Di sini saya tidaklah menafikan kalau dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain, memanglah Kementerian ini mendapat peruntukan yang agak kecil tetapi ini kita hendaklah juga ingat pada masa ini negara kita masih banyak ada priorities yang patut diutamakan seperti yang kita telah dapat mendengar iaitu bagaimana peruntukan-peruntukan yang besar perlu diadakan supaya jentera negara ini berjalan dengan baik dan supaya negara kita ini dapat meningkat taraf ekonomi dan begitu juga kedudukan masyarakat pada keseluruhannya. Dengan itu akan dapat banyaklah peluang lagi kepada masyarakat maka approach ataupun pendekatan yang kita ambil pada masa ini ialah supaya menggalakkan individu itu berusaha, menggalakkan individu itu menggunakan tenaga mereka. Kita tidak hendak berlaku kepada kita apa yang berlaku kepada negeri-negeri lain yang telah memulakan terlalu banyak memberi bantuan-bantuan percuma. Akhirnya mereka ini sentiasa bergantung kepada bantuan Kerajaan. Kita akan tetap membantu mereka yang benar-benar perlu dibantu, dan bantuan-bantuan ini telahpun ditambah dengan cara perlahan-lahan.

Saya memanglah berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang mempertahankan Kementerian saya, dalam pada itu pun rasa saya tidaklah pula sampai begitu buruk sekali, dari tahun ke tahun Kerajaan ada tambahan peruntukan. Nanti kita kata Treasury tidak tambah, sebenarnya ditambah, Tuan Pengerusi. Tetapi apa yang saya harap barangkali di masa-masa yang akan datang apabila kelegaan sedikit, mungkin Kementerian saya dapat peruntukan yang lebih lagi maka di situ barangkali akan dapatlah lagi banyak keutamaan diberi kepada mereka yang benar-benar miskin.

Saya memang faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana memangnya banyak ada orang susah. Cuma satu yang saya hendak terangkan iaitu kedudukan di Wilayah Persekutuan pada tahun 1975 ialah 11 orang Pegawai Kebajikan Masyarakat dan 9 orang Pembantu Kebajikan Masyarakat. Pada tahun 1979 bilangannya telah bertambah iaitu 21 orang Pegawai Kebajikan Masyarakat dan 11 orang Pembantu Kebajikan Masyarakat, tambahan sebanyak

60%. Pegawai-pegawai ini pun ada masalahnya Tuan Pengerusi, tambahan itu barangkali boleh ditambah dengan cepat. Tetapi dalam kerja-kerja kebajikan, mereka ini hendaklah dilatih pula.

Pada masa ini kami telah pun dapat tambahan pegawai sebanyak 77 jawatan baru, walau bagaimanapun pegawai-pegawai baru ini memerlukan latihan. Jadi saya harapkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, janganlah terlalu kesal sangat. Rasa saya, pihak Ahli Yang Berhormat pun banyak mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bukanlah ini sahaja, kalau terbakar misalnya, tidak masuk dalam peruntukan ini, berapa kali \$10,000 ada beri kepada tempat kebakaran dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Kalau dilihat dalam anggaran ini memang kecil, tetapi apabila ada berlaku umpamanya apa-apa kemalangan dalam negeri, seperti banjir besar, maka ketika itu baharulah Kerajaan memberi bantuan mengikut keadaan ataupun mengikut suasana yang ada. Umpamanya, banjir baru-baru ini Kementerian saya akan mendapatkan wang yang sepatutnya sama ada banjir itu berlaku di Perlis, di Kelantan, Trengganu ataupun di negeri Pahang. Ini janganlah Ahli Yang Berhormat itu ingat apa yang tercatat ataupun yang disebutkan di dalam Dewan, itulah semata-mata yang dibawa daripada pangkal tahun ke hujung tahun. Itu adalah gambaran yang tidak benar. Sebab apa, apabila berlaku satu kebakaran, umpamanya, di kawasan Ahli Yang Berhormat itu sendiri, beberapa kali yang saya datang menyampaikan bantuan sepuluh ribu-sepuluh ribu. Itu tidak termasuk dalam ucapan saya pada hari ini. Tetapi itu adalah sebagai tambahan. Jadi saya harap Yang Berhormat mendapat gambaran yang agak betul sedikit. Jadi kalau terlampau sangat dikatakan macam pandang anak tiri, rasa saya dalam Kerajaan hari ini adalah bersikap collective walaupun Kementerian saya kecil, Kementerian Dato' Najib besar misalnya. Ini dikatakan collective responsibility dalam Kabinet yang ada hari ini.

Setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$31,191,700 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$9,294,065 untuk Maksud P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

*Maksud B. 65 (Jadual)—*

*Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

6.25 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntukan yang di bawah Kepala B. 65 dan P. 65 bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran Belanjawan di bawah Kepala tersebut berjumlah \$931,459,240 terdiri dari Belanja Mengurus sebanyak \$146,409,900 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$785,049,340.

*Belanja Mengurus*

Di bawah Belanja Mengurus (B. 65) Kementerian saya memerlukan tambahan peruntukan sebanyak \$29,456,700 untuk mempergiatkan lagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan untuk menampung Pecahan-pecahan Kepala 2400, 2800 dan 3300 bagi menguatkan kecekapan pentadbiran.

*Belanja Pembangunan*

Di bawah Belanja Pembangunan peruntukan sebanyak \$668,832,640 adalah peruntukan secara langsung sementara \$116,216,700 pula diperuntukan secara pinjaman adalah seperti disenaraikan dalam Kertas Perintah Bil. 24 tahun 1979, muka surat 526 hingga 538 yang ada di hadapan tuan-tuan.

Tuan Pengerusi, tahun 1980 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga. Sebelum saya menghuraikan secara lebih lanjut berkenaan dengan Belanjawan tahun

1980, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit gambaran ringkas tentang kadar kemajuan kewangan sepanjang tempoh empat tahun dari 1976 sehingga tahun 1979. Ini akan membolehkan kita mengukur setakat mana matlamat Belanjawan Rancangan Malaysia Ketiga dapat dicapai menjelang akhir tahun 1980 nanti.

Untuk makluman Dewan ini, peruntukan asal yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk projek-projek pembangunan di bawah Kementerian saya adalah berjumlah \$2,414,374,644. Di bawah Kajian Separuh Penggal RMT, peruntukan tambahan sebanyak \$558,201,425 telah diluluskan menjadikan jumlah peruntukan yang dipinda sebanyak \$2,972,576,069.

Menjelang akhir tahun 1978, Kementerian saya telah membelanjakan sebanyak \$1,286,369,279. Perbelanjaan tersebut merupakan 53.2% daripada jumlah peruntukan sebelum daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan 43.27% daripada jumlah peruntukan yang dipinda selepas Kajian Separuh Penggal.

Di awal Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah menghadapi berbagai-bagai masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek dan perhatian telah ditumpukan kepada usaha-usaha bagi mengatasi masalah-masalah tersebut seperti masalah kekurangan tenaga pekerja yang mahir, masalah tanah dan masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong seperti kekurangan bahan-bahan, minyak disel, lain-lain lagi yang memberi kesan kepada prestasi Kementerian ini. Kebanyakan daripada projek-projek juga masih dalam peringkat perancangan, kajian dan rekabentuk. Sebahagian besar dari masalah-masalah ini telah dapat diatasi dan menjelang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, sebahagian besar projek-projek telah dapat dilaksanakan dengan kadar yang memuaskan. Dalam tahun 1979, sebanyak \$712,395,849 dijangka akan dibelanjakan dan jumlah perbelanjaan keseluruhan akan meningkat sebanyak \$1,998,765,128 iaitu kira-kira 67.24% daripada jumlah peruntukan.

Oleh kerana kebanyakan projek-projek pembangunan sedang dalam peringkat pelaksanaan yang giat pada masa sekarang, kadar pelaksanaan dijangka dapat dikekalkan dalam tahun 1980. Berdasarkan kepada

kadar kemajuan inilah maka Kementerian ini memohon supaya peruntukan sebanyak \$785,049,340 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Jumlah peruntukan ini adalah merupakan 26.4% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT). Dengan peruntukan ini, adalah dijangka menjelang akhir tahun 1980, Kementerian saya akan dapat membelanjakan kira-kira \$2,783,814,468 daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga iaitu merupakan pencapaian kemajuan kewangan sebanyak 93.64% daripada matlamat belanjawan RMT dan kekurangan atau "shortfall" hanyalah sebanyak 6.36% sahaja.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin membentangkan keperluan kewangan tahun 1980 dengan lebih terperinci iaitu mengikut projek-projek utama di bawah Kementerian saya. Untuk makluman Dewan ini, projek-projek pembangunan di bawah Kementerian saya dibahagikan kepada tajuk-tajuk seperti berikut:

- (1) Jalanraya dan jambatan
- (2) Bekalan air
- (3) Bangunan Kerajaan
- (4) Jentera-jentera kerjaraya
- (5) Perumahan Kerajaan.

#### *Program Jalanraya*

Program jalanraya adalah program yang terbesar di bawah Kementerian saya di mana di bawah RMT kira-kira 65.7% daripada jumlah peruntukan adalah disediakan di bawah program ini. Jumlah peruntukan yang dipinda selepas Kajian Separuh Penggal ialah sebanyak \$1,953,125,220 dan menjelang akhir tahun 1979, sebanyak \$1,374,951,644 dijangka akan dibelanjakan iaitu pencapaian pelaksanaan kira-kira 70.39%.

Setakat ini sebilangan besar daripada projek-projek utama jalanraya berada di berbagai-bagai peringkat pelaksanaan. Di bawah program ini, peruntukan sebanyak \$508,443,550 adalah dikehendaki dalam tahun 1980.

Peruntukan yang besar adalah dikehendaki untuk rancangan memperbaiki Lebuhraya Persekutuan I, II, III dan lain-lain Jalanraya Persekutuan di Semenanjung dan untuk projek-projek besar jalan di Sabah dan Sarawak.

Dengan peruntukan yang dipohon itu, adalah dijangka menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, jumlah perbelanjaan di bawah program jalanraya akan meningkat berjumlah \$1,883,405,194 iaitu pencapaian kemajuan kewangan sebanyak 96.43% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga.

#### *Bekalan Air*

Sebahagian besar daripada peruntukan di bawah program bekalan air adalah berupa pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk rancangan bekalan air di negeri masing-masing. Di bawah RMT, peruntukan yang disediakan di bawah program ini berjumlah sebanyak \$532,777,500. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$300,995,956 dijangka akan dibelanjakan menjelang akhir tahun 1979 iaitu kira-kira 56.49% daripada jumlah peruntukan RMT. Dalam tahun 1980 peruntukan sebanyak \$158,167,145 dikehendaki. Dengan peruntukan tersebut, pencapaian kemajuan kewangan menjelang akhir 1980 meningkat sebanyak 86.18%.

Termasuk di dalam program ini ialah Rancangan Bekalan Air luarbandar di mana perhatian yang berat telah diberikan oleh Kerajaan. Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek bekalan air luar bandar, dasar pembiayaan projek telah dikaji semula dalam tahun 1977 dan di bawah dasar baru ini Kerajaan Persekutuan menanggung semua kos modal bagi negeri-negeri yang kurang mampu dan 2/3 daripada kos modal-modal projek bagi negeri-negeri yang lain. Dengan adanya dasar pembiayaan yang baru ini pelaksanaan projek-projek telah dapat berjalan lebih pesat. Jumlah peruntukan yang disediakan di bawah RMT ialah sebanyak \$147,144,000 sementara menjelang akhir tahun 1978 ialah \$64,112,232 iaitu kira-kira 43.87% daripada jumlah peruntukan. Adalah dijangka dalam tahun ini kira-kira \$38,399,795 akan dapat dibelanjakan menjadikan peratusan pencapaian kemajuan kewangan meningkat sebanyak 70.15%.

Dalam tahun 1980 peruntukan sebanyak \$44,588,445 adalah dikehendaki. Dengan peruntukan ini, menjelang akhir tahun 1980 sebanyak \$147,100,472 dijangka akan dibelanjakan iaitu pencapaian kemajuan kewangan kira-kira 99.97%.

#### *Bangunan Kerajaan dan Perumahan Kerajaan*

Di bawah program bangunan Kerajaan, sejumlah besar peruntukan adalah bagi pembinaan bangunan-bangunan baru pejabat-pejabat Kerajaan di dalam dan di luar Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk mendirikan lebih banyak lagi bangunan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan bagi Jabatan-jabatan yang masih belum mempunyai bangunan sendiri ataupun menggantikan bangunan-bangunan yang telah usang. Menjelang akhir tahun 1980 jumlah perbelanjaan dijangka sebanyak \$224,727,585 iaitu pencapaian kemajuan kewangan sebanyak kira-kira 85.03%.

Di bawah rancangan perumahan Kerajaan pula peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah berjumlah sebanyak \$54,757,030. Kementerian saya bercadang hendak mempergiatkan perlaksanaannya dalam tahun 1980 untuk mana peruntukan sebanyak \$17,975,880 dikehendaki. Dengan peruntukan ini adalah dijangkakan kira-kira 90.39% daripada jumlah peruntukan di RMT akan dicapai menjelang akhir tahun 1980.

#### *Jentera-jentera Kerjaraya.*

Di bawah rancangan ini, peruntukan sebanyak \$37,606,010 adalah dikehendaki dalam tahun 1980. Antara rancangan-rancangan utama yang memerlukan peruntukan yang besar ialah rancangan kemajuan kuari di mana sebanyak \$13,845,000 dikehendaki dan bagi pembelian jentera-jentera dan kelengkapan iaitu sebanyak \$22,301,000. Dengan peruntukan tersebut, menjelang akhir tahun 1980, Kementerian saya dijangka akan dapat membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan RMT ataupun pencapaian kemajuan kewangan sebanyak 99.64%.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan Belanja Mengurus Tahun 1980 bagi Kementerian saya sebanyak \$146,409,900 dan peruntukan Belanja Pembangunan sebanyak \$785,049,340 diluluskan oleh Dewan ini dan dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1980.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 65 sebanyak \$146,409,900 dan Kepala Pembangunan P. 65 sebanyak \$785,049,340 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

6.42 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Pengerusi, muka surat 521, B. 65, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga telah menunjukkan prestasi yang baik di mana di akhir Rancangan Malaysia Ketiga ini dianggarkan perbelanjaan sebanyak 99.84% akan dibelanjakan. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kelewatan melaksanakan setengah-setengah projek perancang Kerajaan yang masih berlaku sekarang ini, terutama sekali projek-projek yang dirancangan bagi daerah-daerah.

Sebelum itu ingin saya menyenaraikan beberapa faktor penting yang terlibat di dalam melaksanakan sesuatu projek:

- (1) Peruntukan;
- (2) Kakitangan, terutama sekali kakitangan ikhtisas;
- (3) Semangat kerja ataupun sikap dedikasi kakitangan;
- (4) Tanah ataupun tapak projek; dan
- (5) Procedure kerja.

Faktor (1) hingga (5) ini adalah saya anggap sebagai faktor dalam (internal factors).

- (6) Kontraktor ataupun pemborong.

Faktor ini adalah merupakan external factor.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh faktor dalam sahaja (internal factors), iaitu faktor antara (1) hingga (5)—peruntukan, kakitangan, semangat kerja, tanah dan procedure kerja. Kelima-lima faktor yang besar ini akan menentukan sama ada sesuatu projek yang dirancangan itu dapat diadakan ataupun dijalankan dengan sempurna ataupun tidak ataupun dapat dijalankan dalam jangka masa yang dirancangan.

Faktor pertama, iaitu peruntukan, saya rasa tidak begitu timbul masalah kerana banyak projek yang dirancangan telahpun mendapat kelulusan dan warant peruntukan telahpun dihantar kepada pejabat-pejabat yang berkenaan dalam tempoh masa yang seawal-awalnya, iaitu tiap-tiap awal tahun.

Faktor kedua, saya rasa tidak begitu juga menimbulkan masalah, iaitu masalah kakitangan kerana sebagaimana yang dinyatakan di sini bahawa bilangan jawatan bagi tahun 1980 akan ditambahkan daripada 3,250 kepada 3,328 orang, yakni bertambah lebih kurang seramai 78 orang dan juga faktor ini tidak akan menimbulkan masalah semenjak adanya Operasi Isi Penuh.

Faktor ketiga, iaitu semangat kerja, sikap dedikasi kakitangan Kerajaan saya rasa tidak juga menimbulkan masalah kerana semenjak adanya Khidmat Cemerlang yang telahpun dilancarkan oleh Kerajaan kita.

Faktor keempat, tanah, tidak juga menimbulkan masalah kerana kalau dahulu kelewatan projek kerana kelewatan pengambil balik tanah, sekarang tidak timbul lagi kerana kelewatan ini telah diatasi dengan tertubuhnya satu Yunit Pengambilan Balik Tanah di Pejabat PTG (Pengaroh Tanah dan Galian Negeri) di tiap-tiap negeri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, apa yang dapat saya lihat kelewatan ini berlaku timbul daripada faktor yang kelima, procedure kerja. Bersabit dengan procedure kerja ini dapatlah saya senaraikan 11 procedure kerja bagi menjalankan sesuatu projek. Jika senarai saya ini tidak betul, tolong betulkan, tetapi apa yang saya nampak ialah 11 procedure kerja atau peraturan kerja. Projek ini saya andaikan kepada projek yang bernilai lebih daripada \$25,000.

Procedure pertama ialah penyediaan pelan tapak oleh Jurutera Kerja Daerah.

Procedure kedua, pelan tapak dihantar kepada JKR Negeri atau mana-mana yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan.

Procedure ketiga, kelulusan pelan tapak oleh pihak JKR Negeri ataupun mana-mana yang berkenaan diterima oleh Jurutera Kerja Daerah.

Procedure keempat, penyediaan Jadual Meja Tawaran oleh Jurutera Kerja Daerah ataupun Tender Table Document (TTD).

Procedure kelima, Jadual Meja Tawaran dihantar kepada Jurutera Kerja Negeri ataupun mana-mana yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan.

Procedure keenam, Jadual Meja Tawaran diluluskan oleh pihak Jurutera Kerja Negeri ataupun mana-mana pihak yang berkenaan.

Procedure ketujuh, pengeluaran tender.

Procedure kelapan, tender diterima.

Procedure kesembilan, memproses tender yang diterima.

Procedure kesepuluh, menerima tender.

Procedure kesebelas, tawaran tender kepada yang berjaya.

Jika sekiranya kita andaikan tiap-tiap procedure atau peraturan ini memakan masa lebih kurang dua minggu, ini bermakna sesuatu projek itu yang bermula daripada penyediaan pelan tapak sampailah tawaran tender diberi kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya maka ia akan memakan masa selama lebih kurang 22 minggu, lebih kurang 5 bulan. Ini jika sekiranya tiap-tiap procedure itu berjalan dengan lancar, tetapi jika sekiranya salah satu daripada procedure kerja ini tersangkut di mana-mana, terutama sekali di peringkat mendapat kelulusan pelan tapak dan Jadual Meja Tawaran, saya rasa sudah barang tentu memakan masa yang lebih lama lagi ataupun masa yang lebih panjang lagi. Saya rasa procedure-procedure kerja ini boleh menyebabkan kelewatan melaksanakan setengah-setengah projek. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya langkah-langkah segera mesti diambil untuk mengatasi masalah ini dan saya mengesyorkan dua perkara.

Pertama, kuasa hendaklah diberi kepada Jurutera Kerja Daerah untuk menyediakan dan mengendalikan pelan tapak dan jadual meja tawarannya dengan sendiri. Ini bermakna dapatlah kita kurangkan lima procedure kerja ataupun lima peraturan kerja daripada sebelas tadi, kita dapat kurangkan kepada enam. Sementara pengendalian tender pula hendaklah bergantung kepada nilai projek yang berkenaan sama ada hendak diserahkan kepada Jurutera Kerja Daerah ataupun di sebaliknya.

Cadangan saya yang kedua, Tuan Pengerusi, nilai projek yang dapat dikendalikan sendiri oleh Jurutera Kerja Daerah tanpa merujuk kepada mana-mana pihak yang bernilai \$25,000 ke bawah itu hendaklah dinaikkan nilainya kepada sekurang-kurangnya \$100,000 ke bawah. Ini memandangkan berlakunya kenaikan harga bahan-bahan binaan pada hari ini.

Saya rasa itulah sahaja dan saya menyokong peruntukan daripada Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.52 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam beberapa perkara di dalam Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini dan yang pertamanya saya akan sentuh dahulu mengenai Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (7) ini saya rangkumi sekali kerana perkara ini adalah menyentuh kepada kakitangan dan pegawai-pegawai bahagian Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, selama ini kita sering mendapati banyak perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam aspek pembangunan ini di mana kebanyakannya diletakkan kelemahan-kelemahan ini kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini terutama sekali kepada Jabatan Kerjaraya.

Ini saya amat bersetuju seperti apa yang telah disebutkan oleh wakil dari Kemaman yang baru bercakap tadi di mana di dalam pentadbiran dan kerja-kerja yang dijalankan di dalam Jabatan Kerjaraya khasnya adalah banyak sangat procedure yang mesti dilalui dan apa yang menjadi masalah yang kadangkala sesuatu urusan yang diperpanjangkan tidak diikuti ataupun tidak ada follow-up dan di sinilah telah terjadinya memakan masa yang begitu lama kepada sesuatu projek tidak dapat dijalankan dan apabila timbul perkara ini dibangkitkan masing-masing melepaskan kesalahan itu pada peringkat-peringkat yang mana mengikut procedure yang dikatakan tadi. Jadi dengan bertambahnya peruntukan yang diminta bagi tahun 1980 ini dan dengan wujudnya banyak pengambilan pegawai-pegawai baru mengikut yang dicadangkan ini adalah diharapkan kerja-kerja menerusi Kementerian Kerjaraya

dan Kemudahan-kemudahan Awam khasnya Jabatan Kerjaraya ini akan dapat ditinggikan, dapat dicapai dengan sebaik-baiknya dan tidak lagi akan berulang kali apa yang telah berlaku selama ini.

Suka saya memberikan satu contoh dan misalan di mana di dalam kawasan pilihan-raya saya terdapat sebuah masjid, sudah tiga tahun masjid ini tidak dapat dibina di mana masjid asalnya telah diruntuhkan dan telah menjadi berbagai-bagai masalah sehinggakan penduduk-penduduk di dalam kariah masjid ini sendiri menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah datang ke sana dan meminta supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ini menanggung dan meminta pahala kerana mereka tidak dapat menjalankan amal ibadah di masjid yang telah diruntuhkan selama tiga tahun tetapi tidak dapat dijalankan apa-apa tindakan pembinaannya. Ini berikutan dari adanya procedure yang dikatakan tadi oleh wakil dari Kemaman dan setelah tender dikeluarkan dan apabila berlaku kegagalan pihak pemborong ini menjalankan kerja-kerjanya maka pihak Jabatan Kerjaraya itu sendiri mendiamkan diri dan setelah kita ikuti dikatakan laporannya telah dihantar kepada Ibu Pejabat tetapi Ibu Pejabat tidak membuat apa-apa tindakan. Ditanya kenapa tidak diikuti (follow-up) kes ini, dia kata itu orang atas, biarlah orang atas buat kerana kita di bawah ini susah hendak berhubung dengan orang pihak atas. Jadi yang sebenarnya apa yang timbul di sini ialah soal rasa tidak bertanggungjawab kepada kerja-kerja yang dijalankan itulah maka menimbulkan keadaan yang sedemikian rupa. Jadi saya berharaplah dengan adanya peruntukan tambahan bagi tahun 1980 dan dengan wujudnya lebih banyak pegawai-pegawai ataupun kakitangan baru yang akan diambil ini tidak akan berulang lagi kejadian-kejadian seumpama ini seperti mana kejadian-kejadian dikatakan tidak cukup kakitangan, kejadian di mana banyak sangat procedure yang bersangkutan dan tidak dapat dijalankan secepat mungkin itu dapat diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di dalam P. 65, muka surat 526, Butiran 1, 2, 3 dan 4 yang mana saya akan rangkumi semua sekali iaitu mengenai Memperbaiki Jalanraya dan Jambatan-jambatan di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita semua sedia maklum bahawa jalan-jalan adalah merupakan perhubungan yang amat penting dan untuk mencapai kejayaan serta pembangunan khususnya di seluruh kawasan di negara kita ini maka adalah amat mustahak sekali supaya jalan-jalanraya ini diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini kerana dengan wujudnya jalanraya yang diadakan telahpun meningkatkan pendapatan penghasilan daripada Kementerian Pengangkutan yang begitu berlipatganda sekali.

Misalnya, saya berikan dalam masa sepuluh tahun di dalam negeri saya Kedah—ini sebagai misalan yang saya hendak berikan di sini, dalam masa sepuluh tahun pendapatan dan penghasilan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan telah meningkat begitu tinggi sekali daripada \$9 juta kepada \$22 juta dalam masa dua puluh tahun. Bererti kenaikan ini adalah 100% penghasilan yang mana penghasilan yang begini tinggi adalah dengan kerana wujudnya banyak jalan-jalanraya yang boleh pihak rakyat jelata dan penduduk-penduduk negeri ini mengadakan kenderaan-kenderaan ataupun mengadakan pengangkutan-pengangkutan jalan yang menggunakan jalanraya. Sedangkan perbelanjaan misalnya bagi tahun 1978 berasas dari segi pendapatan Jabatan Pengangkutan Jalan ini telah dapat mengutip sebanyak \$22,470,000 dan daripada hasil itu hanya dibelanjakan sebanyak lebih kurang 2.8% sahaja. Jadi itu menunjukkan bahawa sekiranya Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memperbaiki kedudukan jalanraya dan lebih banyak mengadakan jalanraya tidaklah merugikan kerana dengan wujudnya lebih banyak jalanraya yang lebih baik akan lebih banyak mendatangkan hasil selain daripada memberikan keselesaan kepada pengguna-pengguna jalanraya itu sendiri yang telahpun membayar begitu banyak nilai dan cukai jalan terhadap Kerajaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin menyentuh ialah di dalam P. 65 muka surat 530 iaitu di bawah Butiran 65 Rancangan-rancangan Air—Bekalan Air Negeri Kedah, bekalan air di kawasan Alor Star, Sungai Petani dan juga Baling.

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1979 ini nampaknya peruntukan tambahan adalah diperlukan dan bagi diri saya sendiri sangatlah berbangga sekali kepada pihak Jabatan

Kerjaraya dan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam kerana menyedari bahawa bekalan air begitu penting sekali terutama sekali kepada kawasan-kawasan luar bandar. Di Kedah, projek bekalan air yang telah dirancangkan bertahun-tahun lamanya dan telahpun dijalankan berperingkat-peringkat tetapi sehingga sekarang ini nampaknya tidak dapat memberikan kepuasan bukan sahaja kepuasan kepada rakyat jelata di dalam negeri Kedah sendiri kerana masih banyak lagi kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air, tetapi kawasan-kawasan yang telah dipasang paip air pun masih tidak ada air lagi, malahan kawasan-kawasan iaitu yang telah bertahun-tahun mendapat air, sekarang ini tidak mendapat bekalan air dan ada setengah tempat telah dibuka langsung meternya, pun masih tidak mendapat air. Dan bila ditanya kepada pihak Jabatan Kerjaraya, mengapa kejadian ini begini, ada sahaja alasan-alasan yang diberikan dan kononnya rancangan ataupun projek perbekalan air yang sedang dilaksanakan itu masih belum siap. Bila ditanya bila akan siap, katanya tak berapa lama lagi akan siap. Tetapi selepas sebulan ke sebulan dan daripada tahun 1978 sehingga tahun 1979, sehingga hampir tamat tahun 1979 ini nampaknya perubahan tidakpun wujud dan apabila dicadangkan supaya lebih banyak tempat-tempat takungan air diwujudkan ataupun dibuat kajian supaya lebih banyak punca-punca air didapati, senang sahaja dijawabnya, tidak payah. Kononnya loji perbekalan air yang ada di Alor Star di Bukit Pinang itu mencukupi bagi negeri Kedah dan kawasan utara bagi selama 30 tahun yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sudah sampai masa.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya hendak menjelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Sedikit sebanyak mana itu. Hendak pantas-pantas sedikit bercakap.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Dengan ini Tuan Pengerusi, saya mengharapkan kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini akan memberi perhatian langsung supaya masalah perbekalan air itu tidak menjadi masalah yang begitu

rumit dan menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat terutama sekali bagi kawasan saya sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Panti.

7.05 mlm.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit berkenaan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Saya akan menyentuh dengan seberapa ringkas, Pertama, B. 65 butiran 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Di sini saya dapati peruntukan yang dipohon begitu banyak untuk tahun ini untuk membolehkan pihak JKR mentadbirkan dengan begitu licin lagi daripada masa-masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, boleh dikatakan kebanyakan pelaksanaan dasar-dasar projek semua Kementerian adalah terikat dengan JKR. Apa juga bangunan yang dibina sama ada sekolah, surau, masjid atau balairaya dan sebagainya yang diperuntukkan oleh Kementerian-kementerian lain terikat dengan JKR iaitu tender mestilah dibuat melalui JKR. Selalunya pelaksanaan inilah yang tergendala sehingga kadang-kadang terpaksa satu-satu bangunan itu retender sampai tiga kali tender, sebab penender yang pertama terambil sangat agaknya dan dia lebih baik rugi sedikit daripada rugi banyak dan dia menarik diri. Untuk proses ini memakan masa bukan sahaja sehari dua, kadang-kadang memakan masa dua-tiga bulan. Apabila perkara ini kita timbulkan di Majlis Tindakan Daerah jawapan yang kita terima daripada pihak Jurutera Kerja Kanan Daerah mengatakan mereka kekurangan kakitangan. Jadi saya harap dengan dasar Kerajaan yang baru-baru ini iaitu dasar Isi Penuh yang membolehkan mengisi jawatan dengan begitu ramai, maka saya harap pihak JKR akan melipatgandakan usahanya menambahkan pegawai bagi melicinkan perjalanan projek-projek pembangunan khususnya di kawasan luar bandar.

Kedua, saya ingin menyentuh P. 65 Butiran 57—Membaharui dan Membaiki Jalan. Tuan Pengerusi, oleh kerana pihak Kementerian ini sentiasa mewujudkan projek dengan sebab desakan, agaknya daripada Kerajaan Negeri atau pihak yang tertentu jadi pihak

Kementerian ini sentiasa membuat projek-projek baru seperti jalan baru, sama ada jalan Federal ataupun jalan-jalan luar bandar, sebagaimana di dalam peruntukan ini juga. Jadi dengan sebab banyak membuat projek baru maka kita seolah-olah sudah lupa untuk menyelenggarakan projek yang telah siap. Jadi dengan sebab kita lupa untuk memberikan perhatian atau menyelenggarakan projek yang sudah sedia ada itu maka dengan sebab itu apabila satu-satu jalan sudah rosak bukanlah dapat diperbaiki dalam masa sebulan atau dua bulan bahkan memakan masa bertahun-tahun.

Dalam Dewan yang mulia ini juga pernah saya timbulkan pada tahun lalu pihak Kerajaan negeri umpamanya pihak Jabatan Kerjaraya Negeri telah memberikan dua jalan keutamaan kepada dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri dalam kawasan saya. Satu dalam kawasan Johor Lama iaitu jalan daripada Tanjung Pengeleh ke Ramunia sepanjang 12 batu. Itu keutamaan yang diberi kepada Ahli Dewan Negeri kawasan Johor Lama. Dan satu keutamaan lagi diberi kepada Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kota Tinggi, satu jalan daripada jalan lombong membawa ke Lukut di Lukut Cina, panjangnya lebih kurang 12-13 batu. Perkara ini telah ditimbulkan tahun lalu dan saya telah difahamkan JKR Negeri telahpun memberikan keutamaan kepada dua jalan itu tetapi malangnya sehingga hari ini jalan itu masih belum lagi diperbaiki. Pada pertengahan tahun lalu saya difahamkan peruntukan telah diberikan kepada Kerajaan Negeri, tetapi malangnya peruntukan ini tidak disalurkan kepada kawasan ini dan saya bimbang kalau telah disalurkan ke kawasan lain oleh pihak yang berkenaan di negeri Johor.

Tuan Pengerusi, dua jalan yang saya timbulkan di sini amat penting bagi kawasan-kawasan luar bandar, kerana boleh dikatakan sejak 3 kali pilihanraya, termasuk diri saya sendiri sudah 3 Wakil Rakyat Parlimen ini, dalam masa 15 tahun sudah 3 Wakil Rakyat Parlimen menjadi wakil di kawasan ini, sedangkan jalan ini dari Tanjung Pengeleh di Pengerang sampai ke Telok Ramunia sepanjang 12 batu masih berada di takuk lama, belum ada perubahan, ada perubahan sedikit-sedikit ditampal bukan dengan latrite, bukan dengan tar goreng, tetapi ditampal dengan tanah merah. Saya berani mengatakan ini sebab di kawasan saya dan pihak Timbalan Menteri kalau hendakkan bukti

bolehlah bertanya dengan pihak JKR Negeri sama ada sekarang atau lepas ini nanti bahawa jalan ini hanya ditampal dengan tanah merah, tidak dengan batu tar goreng atau tidak dengan latrite. Bila ditampal dengan tanah merah paling lama saya percaya sebulan atau dua bulan tanah merah ini akan dilarikan oleh air hujan atau dilarikan oleh tayar-tayar kereta dan tayar-tayar lori. Dengan sebab itu, saya harap dengan sebab peruntukan yang begitu banyak pada tahun ini, saya harap tahun 1980 ini penduduk-penduduk di dua kawasan ini akan menikmati jalan yang agak selesa sedikit daripada yang ada sekarang ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berhubung dengan P. 65, Butiran 64 iaitu Rancangan-rancangan Bekalan Air di Negeri Johor.

Kalau dilihat Butiran ini yang merangkumi 3 projek iaitu Bekalan Air Muar, Stage I, Bekalan Air Segamat, Stage I dan Bekalan Air Labis. Apa yang saya tahu bukan sahaja di tiga tempat ini yang kesusahan, yang selalu ditimpa kemarau, di kawasan saya Kota Tinggi sendiri terutama di kawasan luar bandar selalunya JKR yang menghantar air dengan lori. Berapalah yang terhantar oleh JKR, paling banyak pihak JKR boleh menghantar air ke kawasan luar bandar ini bila musim kemarau satu hari dua lori sahaja, sedangkan keperluan penduduk-penduduk luar bandar melebihi daripada ini. Jadi terpaksa pihak penduduk-penduduk ini hanya menggunakan air yang dibekalkan oleh JKR melalui lori dan tank ini untuk minuman dan makanan saja tetapi untuk mandi, untuk membasuh dan sebagainya terpaksa digunakan sumber-sumber yang lain daripada anak-anak sungai yang tidak dibersihkan atau telaga-telaga yang mereka gali sendiri.

Tuan Pengerusi, walaupun dalam peruntukan Butiran 64 ini tidak disebutkan bagi kawasan Kota Tinggi umpamanya, tetapi dalam P. 65 juga dalam Butiran 96—Bekalan Air Luar Bandar, kalau tidak tersebut atau tercatat atau disenaraikan di dalam Butiran 64 ini yang dipohonkan oleh pihak JKR sebanyak \$38 juta untuk seluruh Semenanjung Malaysia, saya harap daripada peruntukan ini dapatlah diberikan keutamaan kerana salah satu daripada kawasan saya iaitu yang bernama Johor Kampung dan Telok Sengat yang mana pihak JKR Daerah

telahpun mengadakan tender untuk menanam paip dan paipnya telah ditanam. Sebab bila saya tanya kenapa peruntukan bekalan air belum ada tetapi paip yang dibekalkan sudah ada dan ditanam, saya dijawab oleh pihak Jurutera Kanan kerana kalau paip-paip ini dibiarkan di tengah jalan atau dilonggokkan di satu tempat dikhuatiri dicuri oleh orang lain. Jadi dengan sebab itu, baik kita tanam siang-siang, bila ada peruntukan esok, kita salurkan sahaja air. Hari ini sudah 3 tahun atau 4 tahun paip itu ditanam sahaja dengan tidak ada air. Saya harap peruntukan \$38 juta ini paip yang sudah ditanam itu tahun 1980 nanti akan berair.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya percaya kerana sudah dua kali kempen pilihanraya perkara ini telah ditimbulkan, sudah dua Ahli Yang Berhormat mewakili tempat ini menimbulkan perkara ini dan saya masuk ketiga pada tahun ini menimbulkan masalah ini, saya berharap pihak JKR memberi peruntukan yang lebih sedikit kepada JKR Negeri untuk membekalkan kawasan ini dengan air.

Sekianlah sahaja yang dapat saya bahaskan dan dengan ini, saya menyokong penuh peruntukan ini.

7.16 mlm.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu perkara sahaja dan saya menarik perhatian kepada muka surat 525 Kepala B. 65 Butiran 91—Rancangan Bekalan Air Baru Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, dalam sidang Belanjawan yang lepas apabila kita membahaskan Anggaran Mengurus dan Anggaran Pembangunan untuk Kementerian yang berkenaan, saya ada menyentuh tentang perlunya mengadakan satu dasar air negara (national water policy) untuk memenuhi keperluan air sehingga tahun 2,000 dan saya ada menyatakan bahawa adalah mustahak bagi pihak Kerajaan merancang dengan lebih sistematik dan berkesan ke arah masa hadapan mengenai bekalan air supaya masalah-masalah yang kita mengalami pada musim kemarau iaitu masalah catuan air tidak akan timbul. Begitu juga saya ada menyentuh bahawa walaupun Kementerian yang berkenaan telah melaksanakan beberapa

projek-projek bekalan air di Kuala Lumpur, khususnya di Lembah Kelang tetapi nampaknya dengan siapnya projek-projek itu bekalan air dapat menampung keperluan sehingga tahun 1983 dan masih belum dapat dipastikan sama ada selepas tahun itu masalah kekurangan air akan timbul atau tidak. Pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menjawab bahawa seorang perunding telahpun dilantik oleh Kerajaan untuk membuat kajian bagi mencari punca bekalan air untuk memuaskan kehendak selepas daripada tahun 1983, dan berhubung dengan hal ini, saya suka mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah kemajuan yang telah dicapai mengenai hal ini.

Satu aspek iaitu mengenai bekalan air di Lembah Kelang, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada menyatakan bahawa Kerajaan telah mengadakan satu kajian ataupun national study on water resources dan satu kajian telahpun dijalankan dan mungkin pada akhir tahun 1979 kajian ini akan siap. Mengenai hal ini, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada kajian itu telah siap dan sekiranya telah siap apakah syor-syor yang telah dikemukakan untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh saya tadi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

7.20 mlm.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu dua perkara. Yang pertamanya saya ingin menyentuh B. 65, Butiran 1100, Akti-viti (1)—Pentadbiran Am, muka surat 521.

Kita tentulah tidak dapat menafikan bahawa tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Negeri kita ini terlalu berat tetapi oleh kerana kepentingan ramai di dalam mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah ataupun Negeri bagi negeri Perak selalulah perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Kerja Raya ini menjadi satu perkara yang lumrah sekali diperbincangkan dan menjadi satu bahagian

yang besar sekali daripada perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat-peringkat tersebut.

Tuan Pengerusi, apa yang diberitahu bahawa kebanyakan projek-projek yang diluluskan oleh pihak Kerajaan tidak dapat dilaksanakan terutama sekali di negeri Perak, khususnya kawasan Parlimen saya. Jawapan yang diberi ialah kekurangan pegawai-pegawai JKR, yang pertama sekali di peringkat Negeri. Apa yang diberitahu di peringkat negeri Perak bahawa jawatan-perkeranian adalah kekurangan walaupun banyak perkara-perkara yang telah disiasat, diselidiki oleh pihak Jurutera tetapi kelambatannya ialah disebabkan oleh kekurangan kerani-kerani rendah.

Yang kedua di peringkat wilayah atau kawasan adalah disebabkan kekurangan Jurutera. Saya beri contoh, umpamanya, bagi kawasan Parlimen Sungai Siput, Kuala Kangsar, Padang Rengas dan Gerik yang meliputi jajahan Kuala Kangsar dan jajahan Ulu Perak hanya mempunyai seorang Jurutera Kerja Kanan sahaja. Segala kerja-kerja yang hendak dilaksanakan hendaklah dirujuk kepada beliau. Dengan sebab itu tentulah kerja-kerja ini tidak dapat dilaksanakan oleh Jurutera Kerja Kanan. Saya berharap walaupun saya telah bercakap dan Wakil-wakil Rakyat yang lain bercakap di daerah dan negeri supaya seorang Jurutera Kerja Kanan hendaklah ditempatkan di Gerik khas untuk jajahan Ulu Perak.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, kekurangan jawatan-jawatan atau pegawai-pegawai di peringkat daerah. Umpamanya, bagi daerah kecil Lenggong yang meliputi kawasan Parlimen Padang Rengas dan Parlimen Gerik yang mengandungi penduduk lebih daripada 32,000; hanya ada seorang Juruteknik. Yang sebenarnya di situ jawatan mesti ada lagi seorang Pembantu Teknik dan bagi kawasan ini selain daripada tidak ada Pembantu Teknik yang telah lama kosong jawatannya, juga daerah ini kekurangan pemandu-pemandu untuk semua sama ada Jabatan Bekalan Air, Jabatan Jalan, Bangunan hanya ada seorang pemandu. Jadi masalah-masalah selalu timbul sama ada kegendalaan air, kerosakan jalan dan sebagainya tidak dapat diambil tindakan dengan segera. Jadi saya harap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil tindakan walaupun beberapa kali perkara ini telah dibangkitkan di peringkat-peringkat daerah.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah P. 65, Butiran 4—Memperbaiki Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan, muka surat 526.

Saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di dalam Dewan yang mulia ini pernah saya timbulkan supaya jalanraya Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik dan Kroh dinaikkan tarafnya kepada jalan Persekutuan oleh kerana Yang Berhormat sedia maklum bahawa jalan ini sangat perlu oleh sebab pembangunan-pembangunan pesat yang berlaku di daerah Ulu Perak, di sekeliling Gerik kerana dengan adanya Lebuh-raya Timur-Barat, Ampangan Temenggor, Kenering dan Bersia dan juga di kawasan ini kawasan sempadan yang kita tahu terlalu ramai Angkatan Tentera kita ada di sana dan juga kawasan Ulu Perak sebagai kawasan Pembekalan yang utama, jadi jalan ini terlalu perlu kerana pada tiap-tiap hari tidak kurang daripada 40 buah lori-lori balak dan lori-lori Angkatan Tentera menggunakan jalan ini dan selalulah berlaku kemalangan.

Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya lagi sekali jalan ini dinaikkan tarafnya supaya dapat dikelolakan dari Kuala Lumpur dan jalan ini diperbaiki serta diperbesarkan. Yang Berhormat baru-baru ini telah melawat Ulu Perak dapat memandangi sendiri jalan ini dan oleh kerana jalan ini hujungnya sampai ke sempadan Thailand dan menjadi jalan utama daripada Betong sampai ke Ipoh, saya rasa untuk menjaga imej negara kita jalan ini hendaklah dengan seberapa segeranya diperbaiki.

Tuan Pengerusi, yang ketiga saya hendak menyentuh P. 65, Butiran 84—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Perak, muka surat 531, khususnya pecahan (vi) pembekalan air Kuala Kangsar.

Saya berharap kepada pihak Kementerian ini khususnya Jabatan Kerja Raya supaya merancang pembekalan air yang dicadangkan bagi daerah Kuala Kangsar ini untuk jangka waktu yang melebihi daripada 20 tahun dan memandangkan perkembangan-perkembangan yang berlaku di sekitar Kuala Kangsar sama ada pembangunan industri, pertambahan pembekalan-pembekalan air ke kampung-kampung, oleh kerana pembekalan air yang dicadangkan di Kuala Kangsar ini ialah untuk meliputi pembekalan bagi kawasan Parlimen Kuala Kangsar, Padang Rengas dan sebahagian daripada kawasan

Parlimen Sungai Siput. Jadi dengan sebab itu saya meminta supaya dirancang bagi jangka masa yang panjang. Dengan sebab beberapa kali kita merancang dan membuat pembekalan air tetapi sampai 5 tahun kemudiannya pembekalan air ini tidak dapat hendak dipanjangkan lagi.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri sukalah saya menyatakan bahawa penduduk-penduduk di kawasan ini kebanyakannya sekarang ini masih lagi minum air Sungai Perak yang kotor dan baru-baru ini telah berlaku wabak taun di kawasan ini, terpaksa pihak JKR daripada Kuala Kangsar menghantar air ke tiap-tiap kampung pada tiap-tiap hari. Saya rasa amalan yang seperti ini bukanlah amalan yang boleh menguntungkan kita kerana saya yakin tidak sampai jauh masanya yang pihak JKR berupaya untuk menghantar air sampai ke tiap-tiap kampung terutama sekali dalam musim kemarau.

Tuan Pengerusi, sekianlah, lagi sekali saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Banyak lagi yang hendak bercakap? Ahli Yang Berhormat dari Semerah, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Dungun, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab esok.

7.28 mlm.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Jurutera Kerja Raya di Batu Pahat yang telah memberi sepenuh-penuh kerjasama kepada saya tetapi masih banyak perkara-perkara yang menghadapi kesulitan. Saya diberitahu bahawa membaiki parit di kiri kanan jalanraya adalah tanggungjawab JRK. Kawasan saya, Putrai, di kawasan Parlimen Semerah didapati banyak tanaman-tanaman yang binasa kerana telah bertahun-tahun ditenggelami air dan banyak pokok-pokok yang mati seperti pokok kopi, kelapa, koko kerana parit di kiri kanan jalanraya itu tidak dibela.

Baru-baru ini JKR Batu Pahat ada menjalankan kerja tetapi baru sahaja menjalankan kerja tidak berapa rantai maka "fork-lifter" atau jentera pengorek itu rosak dan sehingga hari ini belum dapat lagi alatganti. Jadi saya harap Kementerian Kerja Raya akan dapat lagi alatganti. Jadi saya harap Kementerian Kerja Raya akan dapat mengarahkan supaya kawasan ini sejauh lebih kurang 3 batu dapat disiapkan lebih-lebih lagi musim banjir yang melanda sekarang ini amatlah memberi kesusahan kepada penduduk-penduduk yang sudah lama menderita dan mengalami kerugian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 5hb Disember, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*